

SULIT*
940/1
SEJARAH
SEPT. 2011
3 JAM

940/1



**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK STPM 2011
ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

SEJARAH

**KERTAS 1
(TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800)**

(Tiga jam)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **empat** soalan sahaja : **dua** soalan daripada Bahagian A dan **dua** soalan daripada Bahagian B.

Kertas soalan ini terdiri daripada **2** halaman bercetak

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

Bahagian A

1. Huraikan faktor-faktor kemunculan tamadun awal manusia. (25)
2. Jelaskan peranan Asoka dalam mencipta keagungan Maurya. (25)
3. Sejauh manakah faktor perluasan kuasa mencetuskan peperangan dalam tamadun awal manusia. (25)
4. Takrifkan konsep ekonomi kapitalisme dan bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sistem kapitalisme (25)
5. Jelaskan sistem pendidikan negara kota Athens dan Sparta dalam tamadun Yunani. (25)
6. Sejauh manakah perdagangan menjadi faktor penting kepada penyebaran agama Islam ke Nusantara. (25)
7. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan struktur sosial masyarakat yang wujud dalam tamadun awal manusia. (25)
8. Nilaiikan kepentingan penjelajahan dan penemuan oleh Christopher Columbus, Ferdinand Magellan dan Vasco da Gama. (25)

Bahagian B

9. Bincangkan bentuk agama dan kepercayaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Arab. (25)
10. Huraikan ciri-ciri utama sistem pemerintahan Islam pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah. (25)
11. Jelaskan konsep jihad dalam ketenteraan dan huraikan etika peperangan berdasarkan siri peperangan pada zaman nabi Muhammad s.a.w hingga zaman khulafak al Rasyidin. (25)
12. Bincangkan faktor-faktor kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara pada abad ke 15M di Alam Melayu. (25)
13. Jelaskan perkembangan sistem pendidikan Islam di Andalusia (Sepanyol) pada abad ke -10M. (25)
14. Huraikan sumbangan tokoh-tokoh pelayaran Islam kepada perkembangan tamadun manusia. (25)
15. Bandingkan perkembangan dan kemajuan ilmu sains antara tamadun Islam dengan Barat. (25)
16. Bandingkan sistem pemerintahan Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dengan sistem pemerintahan Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. (25)

1. HURAIKAN FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Sebelum kemunculan tamadun, manusia hidup berpindah-randah atau nomad dari satu kawasan ke satu kawasan lain. Mereka memburu binatang dan memungut hasil hutan yang tumbuh meliar. Cara kehidupan tersebut berubah apabila manusia mengetahui cara-cara bercucuk tanam dan menternak binatang. Melalui pengetahuan itu, perubahan yang besar telah berlaku dalam kehidupan manusia. Sungguhpun perubahan itu berlaku secara beransur-ansur di tempat-tempat tertentu pada masa yang berbeza-beza, sebenarnya perubahan itu telah mewujudkan garis pemisah yang sangat ketara dalam sejarah kehidupan manusia berbanding zaman sebelumnya.
2. Konsep Tamadun.
3. Lokasi tamadun awal : Tamadun Mesopotamia, Mesir, Indus, dan Hwang-Hwo.
4. Permulaan tamadun awal manusia.
5. Penegasan soalan – terdapat pelbagai faktor kemunculan tamadun

B. ISI-ISI PENTING (7 isi x 3 markah : 21 Markah)

Faktor-faktor Kemunculan Tamadun

**Jawapan calon perlu menjurus kepada faktor pembentukan tamadun.*

1. Petempatan Kekal

Kemunculan tamadun awal sejak 3,500 SM telah disebabkan oleh wujudnya petempatan kekal. Wujud masyarakat bercorak perkampungan membolehkan manusia berkumpul di sesuatu tempat dan hidup bersama-sama untuk menghadapi cabaran fizikal supaya persekitarannya dapat dikuasai dengan lebih berkesan. Manusia tidak lagi berpindah-randah kerana mereka dapat bergantung kepada bekalan makanan yang dihasilkan di sekitar kawasan petempatan mereka. Petempatan kekal ini kemudiannya mewujudkan urbanisasi. Contohnya, petempatan di sepanjang Sungai Nil, Tigris dan Euphrates, Hwang-Ho, dan Indus-Ganges.

2. Eksploitasi Sumber Alam/ Kepentingan Sungai

Manusia tertarik kepada kesuburan tanah di lembah sungai untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan. Proses pertanian dan pengairan yang terdapat di Mesopotamia dan Mesir menunjukkan kemampuan manusia mengawal air sungai untuk tujuan pertanian secara besar-besaran. Hal ini terbukti apabila tamadun-tamadun awal terletak di tebing-tebing sungai besar seperti Sungai Nil, Tigris dan Euphrates, Indus, dan Hwang-Ho.

3. Kemajuan Teknologi

Manusia mula mencipta pelbagai peralatan yang membawa kemajuan teknologi. Hal ini terbukti dengan penggunaan logam seperti tembaga, gangsa, dan besi. Penggunaan bajak menyebabkan manusia mula menggunakan tenaga haiwan bagi membantu meringankan pekerjaan mereka. Haiwan seperti kuda dan kerbau dilatih untuk mengangkut barang atau membajak sawah. Selain itu, manusia telah berjaya mencipta pelbagai peralatan daripada tembikar.

4. Penciptaan Roda

Penciptaan roda telah mengubah corak pengangkutan dan mempercepat perkembangan industri terutamanya industri kerja tangan untuk memenuhi keperluan agama dan sosial. Roda telah meningkatkan daya produktiviti manusia. Penggunaan roda sebagai alat industri menyebabkan barangan yang dikeluarkan mempunyai bentuk yang seragam dan dapat dijadikan barang-barang eksport. Roda dapat menggalakkan pertumbuhan perdagangan dengan tamadun-tamadun lain seperti perdagangan antara Mesir dengan Mesopotamia dan antara Mesopotamia dengan Mohenjo-Daro.

5. Organisasi Sosial

Organisasi sosial atau susun lapis dalam masyarakat telah membawa kepada kemunculan tamadun. Masyarakat memerlukan pemimpin untuk menyelaras dan memberikan arahan. Pahlawan pula diperlukan untuk menjaga keamanan. Masyarakat memerlukan pendeta untuk menjalankan kegiatan agama. Pemimpin, pahlawan, dan pendeta muncul sebagai seorang yang berkuasa. Pahlawan dengan senjatanya. Paderi pula dengan pengetahuannya tentang tuhan. Majoriti masyarakat yang tidak memiliki alat dan pengetahuan menjadi pengikut. Lama-kelamaan masyarakat di sesuatu petempatan terbahagi kepada kelas pemerintah dan rakyat.

6. Pengkhususan Kerja

Kehidupan yang bertambah kompleks menyebabkan masyarakat memerlukan kepada pengkhususan untuk menjalankan tugas tertentu mengikut kemahiran dan kebolehan seseorang. Peningkatan produktiviti telah menjamin keperluan bekalan di sesuatu kawasan. Keadaan ini membolehkan sesetengah penduduk di situ menjalankan kegiatan bukan pengeluaran seperti kegiatan kesenian atau aktiviti keagamaan. Hal ini membawa kepada bermulanya pengkhususan kerja dalam masyarakat.

7. Agama dan Kepercayaan

Agama dan kepercayaan telah membawa kepada kemunculan tamadun. Agama membantu manusia akur dengan hukum-hukum Tuhan. Kehidupan lebih memberikan penekanan kepada nilai-nilai agama dan kepercayaan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bumi dan kesuburan tanah untuk pertanian. Contohnya, orang-orang Mesir percaya bahawa tuhan tinggal di Lembah Sungai Nil.

8. Sistem merekod

Penciptaan sistem merekod pada zaman Neolitik telah menjadi asas kepada penambahan pengetahuan dan melicinkan pengurusan ekonomi. Catatan telah digunakan untuk merekod hal agama, pentadbiran, dan perdagangan. Akhirnya, sistem merekod itu telah melahirkan sistem tulisan dalam tamadun awal manusia seperti sistem tulisan Cuneiform telah wujud dalam tamadun Mesopotamia, tulisan Hieroglif dalam tamadun Mesir, dan tulisan Ideogram dalam tamadun Hwang-Ho.

9. Perbandaran

Zaman prasejarah akhir atau zaman Neolitik menyaksikan kemunculan Petempatan - petempatan kekal yang berkembang pesat menjadi bandar. Petempatan kekal ini mengalami proses urbanisasi dan perkembangan bandar. Contohnya, bandar muncul di Mesopotamia pada pertengahan abad ke-4 SM apabila berlaku peningkatan hasil pertanian ekoran kemajuan pengairan. Antara bandar penting ialah Lagash, Babylon, Assur, Uruk, dan Hattusa.

10. Migrasi (Penghijrahan)

Pertambahan penduduk pada zaman neolitik memerlukan peningkatan keperluan makanan. Kawasan-kawasan pertanian kian diperluas. Usaha ini telah menyebabkan berlakunya migrasi atau penghijrahan ke kawasan-kawasan baru. Angin digunakan sebagai punca tenaga yang menghasilkan corak pengangkutan baru dan peranan (*wind mills*) antara kawasan. Penemuan roda turut

menggalakkan pertumbuhan perdagangan jarak jauh dan digunakan sebagai alat pengangkutan darat. Akhirnya, aktiviti migrasi itu telah mempercepat kelahiran dan perkembangan tamadun awal manusia.

11. Kemajuan Ekonomi

Kemajuan teknologi dalam bidang pertanian, pengangkutan, dan perdagangan menyebabkan perdagangan jarak jauh menjadi satu kenyataan dan berkembang pesat pada zaman neolitik. Hal ini membolehkan usaha mendapatkan bahan-bahan mentah bagi keperluan agama, industri, dan pembinaan bangunan memperkayakan ciri-ciri kebudayaan akibat pertukaran fikiran dan teknik perindustrian. Akhirnya, kemajuan ekonomi berlaku dengan pesat dan menyumbang kepada kehidupan bertamadun.

12. Geografi – iklim, hujan, kesuburan tanah, bentuk muka bumi, sumber protein (makanan dan kesihatan).

13. Sistem Pertahanan

Tembok-tembok dan kubu dibina di sekitar petempatan. Kegunaan peralatan seperti tombak, pedang, panah, wagon (wheel), penggunaan tentera, menggunakan sungai, bukit sebagai sempadan. Pertahanan yang kuat menjamin keselamatan penduduk. Akhirnya, penduduk dapat melaksanakan aktiviti harian dengan lebih terjamin.

C. KESIMPULAN (1 markah)

Apa-apa yang berkaitan.

2. JELASKAN PERANAN ASOKA DALAM MENCIPTA KEAGUNGAN MAURYA

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang Empayar Maurya :
 - a . Merupakan empayar yang pertama di India bermula pada tahun 321 SM.
 - b. Diasaskan oleh Chandragupta Maurya.
 - c. Pentadbiran empayar ini begitu menyerlah semasa pemerintahan rajanya yang ketiga iaitu Asoka.

2. Latar belakang Asoka
 - a. Asoka dikatakan menaiki takhta sekitar tahun 269 S.M., tiga atau empat tahun selepas kemangkatan ayahandanya, Bindusura.
 - b. Baginda adalah pewaris takhta kerajaan Maurya yang ketiga.
 - c. Asoka bukan sahaja mengukir nama dalam bidang perluasan kuasa, malah dalam bidang-bidang lain.

3. Penegasan soalan - sebarang kenyataan tentang kejayaan Asoka mencipta keagungan empayar Maurya

B. ISI-ISI PENTING (7 isi X 3 markah = 21 markah)

1. Kegemilangan empayar Maurya berada di puncak ketika pemerintahan Asoka. Kejayaan dasar perluasan Asoka tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pemerintah India. Empayar Maurya semasa pemerintahan Asoka mengalami perkembangan pesat apabila **keamanan** dapat diwujudkan hingga membolehkan berlakunya kemajuan dalam pelbagai bidang termasuklah kewujudan satu sistem pentadbiran yang bercorak birokrasi yang berkesan.

2. Sungguhpun dikatakan tidak ada banyak bezanya pentadbiran Asoka dengan datuknya, Chandragupta, namun Asoka menegaskan prinsip kerajaannya yang mengutamakan **kebajikan dan keselamatan** rakyatnya.

3. Perubahan yang berlaku itu ada kaitan langsung dengan aktiviti penaklukan yang dilakukan ke atas sebuah kerajaan kecil di selatan iaitu Kalinga (sekarang Orissa). Kalinga dikatakan mempunyai tanah yang subur ini tidak mahu tunduk dengan Kekuasaan Maurya. **Ekspedisi ketenteraan** ke Kalinga diketuai sendiri oleh Asoka. Biarpun mencapai kemenangan dalam peperangan ini, namun peperangan ini telah mengorbankan 100, 000 orang dan lebih 150, 000 lagi tentera ditawan. Angka ini

merujuk kepada tentera musuh sahaja, tidak termasuk kecederaan di pihak Maurya.

4. Mubaligh-mubaligh **agama** Buddha dihantar ke kebanyakan bahagian di India dan luar negara seperti ke Sri Lanka, Syria, Mesir dan Greece. Puteranya, Mahendra dan puterinya Sanghamitra dihantar ke Sri Lanka untuk menyebarkan agama Buddha. Asoka turut menjadi sami Buddha dan menjadi ahli Pertubuhan Sami-sami Buddha, Sanga, satu keputusan yang harus dipuji kerana baginda sanggup menjadi ahli dalam pertubuhan yang dipimpin oleh rakyatnya.
5. Baginda turut menunjukkan sikap **toleransi agama** apabila memberi bantuan dan derma kepada golongan Brahman, penganut Hindu dan penganut agama Jaina. Melihatkan perkembangan ini, Rudolf Hoernle dan Herbert A. Stark merumuskan bahawa salah satu peristiwa penting dalam empayar Maurya ialah perkembangan dua agama ternama iaitu Buddha dan Jainism. Mereka juga bertanggungjawab mengawasi perkembangan dan menjaga kebajikan agama-agama lain selain agama Buddha. Pegawai-pegawai ini juga diminta meneliti kes-kes yang boleh diringankan hukuman.
6. Beberapa **pembaharuan dalam pentadbiran** telah dilakukan oleh Asoka untuk memantapkan sistem pemerintahannya. Pertama, Asoka telah mewujudkan jawatan pegawai-pegawai khas Dharma Mahamatra atau Dhamma-Mahamatas yang ditugaskan untuk menyebarkan dharma di kalangan rakyatnya.
7. **Memperkenalkan dikri** (peraturan Asoka). Baginda juga dikatakan merupakan pemerintah pertama yang berjaya berhubung terus dengan rakyatnya melalui dikri atau titah perintahnya. Titah perintah yang diukir pada batu, tiang-tiang dan gua mengandungi idea dan pandangan pemerintah teragung Maurya itu tentang agama, pemerintahan dan tingkahlaku rakyat yang dikehendaki. Titah perintahnya itu bertujuan untuk menyebarkan dharma di kalangan rakyat.
8. Asoka turut memberi **sumbangan dalam bidang seni bina**. Baginda dikatakan menjadi pengasas dua buah bandar iaitu Srinaga di Kashmir dan Lalitapatan di Nepal. Baginda juga membina monastri dan kediaman untuk sami-sami Buddha. Pada zaman ini juga terdapat beribu stupa untuk menyimpan bahan-bahan yang berkaitan dengan Buddha.
9. Dalam **bidang sosial**, Asoka turut dikenang sebagai pemerintah yang berjiwa rakyat kerana menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat. Antaranya termasuklah menubuhkan Jabatan Orang Asli yang pertama di dunia, mendirikan rumah perlindungan kepada wanita teraniaya khususnya di kalangan balu, mendirikan

rumah orang cacat dan rumah anak yatim piatu, membina hospital haiwan, mengusahakan projek simpanan makanan untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam dan mewujudkan institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Nalanda yang dianggap universiti tertua di dunia. Rumah-rumah rehat pula dibina, perigi digali dan pokok-pokok ditanam di sepanjang jalan raya. Menggalakkan penggunaan bahasa-bahasa tempatan seperti Bahasa Palli, Prakrit. Buat pertama kalinya dalam pemerintahan empayar Maurya, kerajaan membuka petempatan-petempatan baru bagi mengatasi masalah kepadatan penduduk di bandar-bandar utama. Selepas Perang Kalinga, lebih 150 000 penduduk miskin kebanyakan dari golongan Sudra dipindahkan. Mereka juga dibekalkan dengan binatang ternakan, baja dan wang untuk keperluan di tempat baru.

10. **Sumbangan dalam bidang ekonomi.** Jalan-jalan raya dibina untuk memudahkan sistem perdagangan dijalankan dengan lebih baik di seluruh empayarnya. Asoka masih mengekalkan hubungan perdagangan dan diplomatik dengan Syria, Mesir, Makedonia dan Cyrene di Afrika Utara. India mengeksport rempah, batu permata bermutu, minyak wangi, sutera dan gading kepada kerajaan-kerajaan tersebut. Barang-barang yang diimport dari kawasan berkenaan pula termasuklah kain putih (linen), bekas kaca, besi bermutu, dan herba perubatan.

C. KESIMPULAN (1 markah)

Pencapaian Asoka dalam pelbagai bidang jelas membuktikan bahawa baginda adalah tokoh terbilang yang pernah dilahirkan oleh India. dalam bidang perluasan wilayah, nama Asoka boleh diletakkan sebaris dengan Alaxender The Great dari Yunani, Julius Caesar dari Rom dan Shih Huang Ti dari China.

3. SEJAUH MANAKAH FAKTOR PERLUASAN KUASA MENCETUSKAN PEPERANGAN DALAM TAMADUN AWAL MANUSIA

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Definisi peperangan

Peperangan boleh ditakrifkan sebagai konflik yang berlaku antara kumpulan-kumpulan tertentu yang bersaing menggunakan taktik kekerasan, termasuk pemberontakan bersenjata dan perang saudara. Ia bersifat konflik yang terancang untuk mencapai objektif-objektif tertentu dan dikatakan bermula dengan munculnya manusia bertamadun. Adalah suatu fenomena sejagat yang menggariskan sejarah tamadun awal sejak Mesopotamia kuno Mesir sehingga masa kini. Ia berhubung rapat dengan proses perubahan masyarakat manusia dan negara. Kemajuan sosial, politik, ekonomi dan budaya sesuatu negara adalah dipengaruhi oleh peperangan oleh kerana peperangan biasanya merupakan titik perubahan dalam sejarah tamadun dunia.

2. Kesan peperangan

Kesan peperangan ialah manusia mencapai kemajuan dalam bidang teknologi dan industri. Namun peperangan juga membawa kepada kemerosotan sesebuah tamadun.

3. Latar belakang tamadun awal

4. Penegasan soalan – Memang tidak dapat dinafikan bahawa perluasan kuasa menjadi faktor pencetus peperangan dalam tamadun awal. Walau bagaimanapun terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada peperangan

B. ISI-ISI PENTING

Sebab-sebab Peperangan (5 isi X 4 markah = 20 markah)

1. Perluasan kuasa

Peperangan selalunya ditujukan kepada kepentingan menguasai negara-negara jiran, sumber-sumber alam, tenaga manusia atau kawasan-kawasan yang dianggap strategik bagi imperialis. Berdasarkan konsep bahawa negara yang kuat haruslah memimpin negara yang lemah seperti yang dikatakan oleh Pericles, seorang pemimpin Yunani pada kurun ke 5 SM. Imperialisme dan pembinaan empayar adalah bertujuan memperkukuhkan kedaulatan dan kuasa politik sesuatu monarki

pada peringkat awal tamadun manusia. Luasnya empayar dianggap sebagai kayu ukur untuk menguatkan kegemilangan sesuatu sistem pemerintahan serta meningkatkan kemegahan dan kemuliaan seseorang raja yang dapat diperoleh melalui keberanian dalam medan perang. Sesebuah kerajaan bukan sahaja bergantung kepada agama seperti hak ketuhanan, raja tetapi juga proses penaklukan untuk mengesahkan pemilihan kuasa politiknya ke alas rakyat bawahan. Peperangan adalah perlu untuk menyatukan kesemua kelompok penduduk yang berlainan bangsa, kepercayaan dan adat, agama, dan bahasa. Contohnya ialah Chandragupta Maurya yang mewujudkan empayar pertama dalam sejarah India. Dari pusat kuasanya di Bihar, kuasa Maurya telah dikuatkuasakan ke atas penduduk-penduduk di Lembah Indus dan Deccan. Dasar imperialisme juga dapat disaksikan dengan penaklukan Iskandar Zulkarnain yang berjaya meluaskan empayar Yunani ke Asia dan akhirnya melahirkan suatu sistem kebudayaan yang dikenali kebudayaan Hellenistic. Dasar imperialisme juga nyata sekali dalam pembinaan empayar Rom.

2. Masalah sempadan

Peperangan juga dilakukan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara daripada dicerobohi oleh musuh-musuh. Fenomena ini selalunya berpunca daripada ketiadaan sempadan yang tetap tetapi sentiasa berubah-ubah akibat pengembangan atau pengecutan kuasa sesuatu kerajaan. Oleh kerana sempadan-sempadan tidak didasarkan persetujuan politik tetapi ditentukan oleh faktor-faktor geografi atau keperluan sesuatu unit politik, maka perselisihan kerap kali timbul yang membawa kepada pencetus peperangan. Contoh-contoh ialah tamadun Mesopotamia kuno di mana peperangan berlaku di kalangan negara kota yang disebabkan ketiadaan sempadan yang jelas. Sempadan-sempadan negara China sejak Dinasti Chou juga menghadapi serangan-serangan orang gasar (Hsiung-nu) dan Kerajaan Chin terpaksa mencantumkan semua tembok pertahanan untuk mempertahankan negaranya daripada musuh-musuh. Tembok ini dikenali sebagai Tembok Besar China yang panjangnya hampir 2250 batu. Di empayar Rom tekanan-tekanan dalaman seperti pertambahan bilangan penduduk juga mencetuskan peperangan di kawasan sempadan-sempadan.

3. Menguasai Sumber Ekonomi

Peperangan juga merupakan suatu saluran untuk memperoleh sumber-sumber ekonomi yang penting untuk kepentingan rakyat dan asas kekuasaan kerajaan. Persaingan selalu tercetus untuk merampas atau menguasai sumber-sumber bahan

mentah seperti logam mendapatkan tanah-tanah yang subur untuk pertanian, mendapatkan tenaga perburuhan; tenaga hamba untuk mengerjakan ladang-ladang besar yang dikenali Latifundia di Semenanjung Itali dan Afrika Utara. Di Mesopotamia, negara-kota sering berperang untuk mengawal sumber air daripada sungai Tigris dan Euphrates.

4. Persaingan dalam bidang ekonomi, politik dan wilayah.

Kebiasaannya sesebuah empayar atau tamadun berperang untuk menunjukkan ukuran kegemilangan dan kemegahan sesebuah kerajaan atau dinasti. Justeru itu peperangan berlaku akibat persaingan untuk mencari pengaruh melalui peluasan ekonomi, politik dan wilayah ke wilayah lain.

5. Mengatasi pemberontakan

Kadangkala peperangan dilancarkan untuk membendung semangat memberontak demi kepentingan mengekalkan kestabilan rejim diktator. Sparta, misalnya, melakukan paksaan terhadap penduduk kota jirannya iaitu Messenia mengusahakan tanah pertanian untuk rakyat Sparta yang bertujuan menghapuskan penentangan terhadap terhadap negara kota tersebut.

6. Melindungi Ekonomi Perniagaan

Kekerasan dan peperangan untuk melindungi ekonomi perniagaan di dalam negara/empayar dan juga di luar negara. Perdagangan antarabangsa dan jalan perdagangan biasanya meliputi beberapa kawasan yang luas dan perlu dilindungi untuk menjamin eksport dan import. Rom, misalnya berperang dengan Carthage untuk mengekalkan monopoli perdagangan di seluruh Lautan Mediteranean.

7. Faktor Agama

Kemenganan Athens ke atas Parsi dalam Perang Parsi seperti yang ditulis oleh Herodotus contoh Perang antara Parsi (beragama-theist) dengan Athens (atheist). Mempertahankan kedaulatan dari serangan luar (orang gasar) Kepentingan peribadi seperti wanita, keluarga, balas dendam dan kekayaan, contoh spt Cleopatra, Mark Anthony dalam Perang Actium. Selain itu pada Zaman Kemuncak Pertengahan, peperangan tercetus antara orang Keristian dengan orang Islam untuk

mempertahankan tanah suci Jerusalem. Peperangan ini dikenali Perang Salib yang bermula pada tahun 1093 hingga abad ke-13

C. KESIMPULAN (2 markah)

Peristiwa peperangan adalah suatu fenomena sejagat. Objektif-objektifnya adalah berbeza mengikut perbezaan tamadun dan jangka waktu. Pada asasnya timbul daripada sifat manusia yang cenderung untuk menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan sesuatu konflik. Akhirnya, peperangan merupakan suatu faktor utama yang menentukan corak perjalanan sejarah dunia.

4. TAKRIFKAN KONSEP EKONOMI KAPITALISME DAN BINCANGKAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA PERKEMBANGAN SISTEM KAPITALISME DI EROPAH BARAT DARI TAHUN 1400M HINGGA 1700M

A. PENDAHULUAN (3 markah)

1. Latar belakang Eropah zaman Kemuncak Pertengahan
Zaman Kemuncak Pertengahan (1050M - 1270M) merupakan zaman berlakunya pelbagai perubahan dari segi politik, ekonomi dan sosial di Eropah Barat. Perubahan tersebut menjadi asas kepada zaman Eropah Moden yang bermulanya gerakan Renaissance di Itali dan kemunculan negara kebangsaan.
2. Perkembangan ekonomi zaman Pertengahan Akhir.
Perkembangan ekonomi pada Zaman Pertengahan Akhir (1270M) menyebabkan wujud bandar-bandar perdagangan seperti Florence, Milan dan Venice. Selain itu kekayaan turut bertambah dan berlaku asimilasi pelbagai budaya dan tradisi. Golongan pedagang dan tukang telah menubuhkan kesatuan dagang dan kesatuan tukang untuk menjaga kepentingan mereka.
3. Penegasan soalan – perubahan- perubahan yang berlaku dalam bidang politik, ekonomi dan sosial telah menjadi faktor penting kepada perkembangan sistem kapitalis di Eropah Barat

B. ISI-ISI PENTING

Takrif konsep ekonomi kapitalisme (3 isi x 2 markah : 6 markah)

1. Sistem yang menggalakkan pengumpulan modal, kebebasan ekonomi, hak milik persendirian, kebebasan pasaran dan perniagaan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.
2. Membolehkan individu atau kumpulan berusaha menambahkan kekayaan dengan melabur semua keuntungan.
3. Melibatkan sistem pembayaran upah kepada kaum buruh berdasarkan prinsip perniagaan untuk mendapatkan peluang pekerjaan.
4. Sistem pengeluaran, pengedaran, pertukaran secara besar-besaran yang bercorak baru.
5. Kurang campurtangan kerajaan

Faktor perkembangan sistem kapitalisme (7 isi x 2 markah : 14 markah)

1. Gerakan renaissance dan reformasi

Gerakan renaissance pada abad ke-14M dan reformasi telah memperkembangkan sistem kapitalisme. Perkembangan aliran pemikiran individualisme, humanisme, sekularisme dan rasionalisme telah melemahkan peranan agama dalam bidang ekonomi dan melahirkan masyarakat yang mementingkan kebebasan dan kekayaan kebendaan.

2. Fahaman Calvinisme

Gerakan reformasi yang dibawa oleh John Calvin dalam pemikiran agama Kristian di Eropah telah mendorong kepada perkembangan ekonomi kapitalisme. Ajaran Calvin membenarkan amalan riba dengan tujuan menggalakkan masyarakat bekerja keras. Fahaman ini menyebabkan Negara Protestan mengenyepikan Canon Law dan membolehkan pedagang membebaskan diri daripada kawalan paderi dan peraturan lama.

3. Kemunculan negara bangsa

Raja-raja negara bangsa merupakan penggerak kepada perkembangan sistem kapitalisme. Setiap buah Negara bangsa berlumba-lumba untuk mengumpulkan kekayaan. Untuk tujuan tersebut penjelajahan dan penerokaan kekawasan baru amat digalakkan. Putera Henry dari Portugal dan Raja Fedinand dari Sepanyol telah membiayai dan memberi galakan kepada aktiviti tersebut.

4. Dasar Merkantilisme

Revolusi perdagangan melalui campur tangan kerajaan negara bangsa pada abad ke-16M dan 17M telah menggalakkan pertumbuhan kekayaan dalam negara. Menerusi dasar ini, kerajaan berusaha mewujudkan sektor pertanian dan perindustrian yang produktif dan pasaran luar yang luas. Untuk tujuan tersebut kerajaan mengadakan dasar melindungi pelabur dan pedagang tempatan. Ratu Elizabeth (1588-1603) telah memperkenalkan akta seperti Akta Perantis 1563, Undang-Undang Kemiskinan 1600 dan akta Perkapalan 1650.

5. Pembukaan Koloni Baru / Dasar Kolonisme

Perluasan dasar Merkantilisme membawa kepada wujud koloni ke atas kawasan di Timur dan Amerika Latin. Ini memperluaskan lagi sistem ekonomi kapitalisme. Kekayaan koloni telah dibawa masuk ke Eropah.

6. Perkembangan institusi kewangan

Perkembangan industri bank berlaku setelah amalan riba diterima oleh masyarakat Eropah. Menerusi institusi ini, kemudahan pinjaman dan kredit (pembayaran cek) membolehkan pedagang dan pelabur membuat pelaburan modal dengan membesarkan perniagaan mereka. Kesannya lahir golongan kapitalis yang terdiri daripada pemilik kilang, tuan tanah, dan pengusaha lombong. Disamping itu, sistem bank juga merupakan satu perniagaan yang menguntungkan. Keuntungan yang diperoleh melalui pinjaman, pelaburan dan pertukaran wang telah melahirkan golongan kapitalis. Keluarga Fuggers dari Ausburg dan keluarga Medici merupakan keluarga yang terkenal dalam perniagaan institusi kewangan di Eropah.

7. Perubahan dalam organisasi perniagaan

Pada Zaman Pertengahan, aktiviti perdagangan dan pengeluaran dimiliki oleh individu dan keluarga. Kesatuan Dagang dan Kesatuan Tukang terikat dengan peraturan adat yang lebih mementingkan kebajikan sosial. Bermula pada abad ke-16, berlaku perubahan dalam organisasi perniagaan dengan penubuhan syarikat Perniagaan Regulated (PR) dan Joint Stock (JS). Ahli-ahli (PR) mengeluarkan modal dan menanggung kerugian. (JS) ialah syarikat yang modalnya disumbangkan oleh orang awam dan diuruskan oleh badan pengarah. Contohnya Syarikat Eastland (1576) merupakan Syarikat Regulated yang berdagang di Laut Baltik. Syarikat Hindia Timur Inggeris (1660) merupakan Syarikat Joint Stock yang terkenal. Dengan modal yang besar dan kedudukan yang kukuh maka syarikat mampu menyediakan kemudahan perdagangan dan perlindungan tentera. Kewujudan organisasi tersebut telah memperkukuh lagi sistem ekonomi kapitalisme di Eropah.

8. Teknologi moden.

Perkembangan teknologi berlaku dengan pesat antara tahun 1400M hingga 1700M. Antara teknologi penting yang membantu menggalakkan perkembangan sistem kapitalisme ialah pertumbuhan kilang-kilang, pembinaan kapal dan penciptaan mesin jahit. Hal ini membawa kepada peningkatan hasil untuk memenuhi permintaan pasaran.

9. Buruh bebas

Tenaga buruh sangat diperlukan untuk membantu pengeluaran. Bekalan tenaga buruh yang mencukupi telah menyebabkan hasil pengeluaran bertambah. Peningkatan ini telah mendorong kepada perkembangan sistem ekonomi kapitalisme di Eropah.

10. Revolusi pertanian

Revolusi pertanian yang berlaku di Eropah telah mempercepatkan lagi perkembangan sistem kapitalisme di Eropah. Penggunaan benih-benih baru, alatan pertanian yang lebih baik menyebabkan hasil pertanian semakin bertambah. Selain itu, peluasan kawasan pertanian, penggunaan tanah mengikut sistem tanaman giliran dan cara penanaman baru menyebabkan berlaku pertambahan pengeluaran pertanian.

C. KESIMPULAN : (2 markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan

5. JELASKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA KOTA ATHENS DAN SPARTA DALAM TAMADUN YUNANI

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Latar belakang Tamadun Yunani

Tamadun Yunani terletak di tebing Sungai Tiber di Lembah Latium. Dua buah kota yang terkenal pada Zaman Yunani ialah Athens dan Sparta Kedua-duanya mempunyai ciri-ciri pemerintahan sendiri Tamadun Yunani sangat mementingkan pendidikan kepada rakyatnya sehingga berjaya melahirkan cendekiawan.

2. Penegasan soalan – Menekankan aspek-aspek dalam sistem pendidikan seperti kurikulum, institusi, tahap pendidikan

B. ISI-ISI PENTING. (4 isi X 5 markah = 20 markah)

Athens

1. Dasar pendidikan

- a. Bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang.
- b. Penekanan pelajaran kepada ilmu, seni muzik, dan kesukanan.
- c. Athens mahu melahirkan warganegara yang serba boleh dalam pelbagai bidang
- d. Institusi pendidikan utama ialah sekolah tempat mendidik anak-anak mereka
- e. Sekolah pertama wujud pada abad ketujuh S.M. yang dikendalikan oleh bukan golongan agama dan swasta.
- f. Raja Solon mengeluarkan arahan agar kanak-kanak lelaki mesti belajar membaca dan berenang.
- g. Peraturan ini dikeluarkan oleh Majistret khas.
- h. Pengajar di sekolah adalah guru baru yang yang dikenali sebagai sofis.
- i. Pengajaran tertumpu kepada pembacaan, penulisan, aritmetik, dan menghafal sajak atau syair.
- j. Dalam Akademik Sekolah Pendidikan Tinggi, pelajar mengeluarkan pendapat.

2. Tahap Pendidikan

- a. Tahap lama (abad kelima hingga abad keenam S.M)
 - i. Kanak-kanak dilatih untuk keamanan dan gimnastik
 - ii. Kanak-kanak melibatkan diri dengan belajar muzik, membaca, mengira dan menulis.
- b. Tahap kedua (abad keempat hingga 338 M)
 - i. Semasa Raja Philip Macedonia pelajar diajar tatacara kehidupan awam.
 - ii. Plato telah menubuhkan sekolah tinggi, iaitu akademik.
 - iii. Solon mengasaskan Cynosarges.

- iv. Guru yang mengajar muzik dikenali sebagai Cithana dan Lyre.
- v. Pada umumnya, sekolah di Athens di bawah Penyeliaan Negara, khususnya Majlis Aeropagus.

3. Kurikulum

- a. Kurikulum lama- pelajar didedahkan pelbagai mata pelajaran.
- b. Seorang kanak-kanak akan dibimbing oleh seorang hamba, iaitu poedagogus
- c. Pelajar dikehendaki membawa alat muzik dan lain-lain.
- d. Sebat akan dikenakan bagi pelajar yang ingkar.

4. Peringkat sekolah

- a. Sekolah rendah.
 - i. Pelajar belajar bertinju dan muzik.
 - ii. Waktu belajar dari pagi hingga ke petang.
 - iii. Mereka menulis dan menyalin apa yang diajar oleh guru serta menghafal tanpa mengetahui maknanya.
- b. Peringkat sekolah menengah
 - i. Pelajar berusia 15 tahun.
 - ii. Pelajar belajar Gimnasium
 - iii. Guru yang mengajar dikenali sebagai sofis dan yang terkenal ialah Protagoras dan Gorgias.
 - iv. Kurikulum meliputi aspek tatabahasa, retorik, dan pidato
- c. Subjek peringkat rendah dan menengah.
 - i. Pelajar diajar konsep 3M
 - ii. Kandungan Pendidikan bersifat informatif, kritikal, dan konstruktif
 - iii. Pelajaran peringkat menengah ialah falsafah dan retorik.

Sparta

1. Dasar pendidikan

- i. Dasar pendidikan ditentukan oleh keadaan politik
- ii Untuk melahirkan golongan helot dan individu yang taat setia kepada negara
- iii Melahirkan golongan tentera

2. Tahap Pendidikan

- i. Kanak-kanak yang berusia 8-18 tahun di latih di berek tentera
- ii. Kanak yang berusia 18 tahun diberi latihan ketenteraan secara profesional
- iii. Dalam usia 20-30 tahun mereka akan menjalani latihan ketenteraan sebenar dan ditugaskan di perbatasan
- iv. Apabila berumur 30 tahun barulah mereka dipaksa berkahwin

3. Institusi Pendidikan

- i. Di negara Sparta, pendidikan merupakan tugas negara dan mendidik kanak-kanak agar berani.
- ii. Institusi pendidikan awal ialah keluarga.
- iii. Institusi pendidikan sebenar Sparta adalah di berek tentera.

iv. Wanita diberi kebebasan menjalani kehidupan di luar rumah dan mereka diajar aktiviti sukan.

4. Kurikulum Pendidikan

- i. Kurikulum Sparta menekankan latihan fizikal
- ii. Lelaki yang berusia 18 tahun akan diajar cara-cara peperangan.
- iii. Peperiksaan setiap 10 hari.
- iv. Lelaki berusia 20 tahun akan menjalani kehidupan militer sebenar.
- v. Apabila berumur 30 tahun, sekolah tamat dan mereka ini akan berkahwin.
- vi. Wanita diajar latihan fizikal adalah untuk melahirkan keturunan yang sihat, kuat, dan menanam semangat patriotik dalam diri mereka.

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Terdapat jurang perbezaan antara Athens dengan Sparta dari segi pembentukan warga melalui pendidikan. Masih terdapat unsur-unsur persamaan dalam masyarakat Yunani. Kedua-duanya melahirkan warganegara yang berilmu, taat, dan berguna kepada bangsa.

6. SEJAUHMANAKAH PERDAGANGAN MENJADI FAKTOR PENTING KEPADA PENYEBARAN AGAMA ISLAM KE NUSANTARA ?

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang Nusantara.
2. Latar belakang masyarakat Nusantara sebelum kedatangan Islam.
3. Teori kedatangan Islam ke Nusantara.
4. Faktor-faktor perdagangan dan kecergasan budaya tempatan tidak berlaku secara terpisah antara satu sama lain tetapi sebaliknya saling berkaitan. Para pedagang Gujerat yang telah lama menjalin hubungan perdagangan dengan Nusantara boleh dianggap sebagai agen-agen bagi penyebaran agama Islam yang bercirikan Sufisme.
5. Penegasan soalan - Jelas bahawa agama Islam tersebar ke Kepulauan Asia Tenggara bukan sahaja disebabkan peranan pedagang melalui aktiviti perdagangan. Faktor-faktor lain turut menyumbang kepada penyebaran agama Islam ke Kepulauan Melayu.

B. ISI-ISI PENTING

Faktor-faktor penyebaran agama Islam ke Nusantara (7 isi x 3 markah = 21 markah)

1. Faktor perdagangan

Para pedagang memang memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Nusantara. Para pedagang Arab, India, Parsi memang mempunyai kegiatan perdagangan di Nusantara sejak abad ke 8 atau 9 Masihi. Peranan mereka dalam penyebaran Islam ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu usaha mereka sendiri menyampaikan Islam kepada penduduk tempatan dan keduanya ialah melalui kemudahan yang mereka berikan kepada para pendakwah Islam menaiki kapal-kapal mereka untuk bergerak dari satu pelabuhan ke pelabuhan lain untuk berdakwah. Para pedagang Islam mempunyai peluang yang sebaik-baiknya untuk menyebarkan Islam melalui tiga saluran iaitu hubungan baik mereka dengan para penguasa pelabuhan, raja atau pembesar-pembesar tempatan. Selain itu, mereka mengahwini gadis-gadis tempatan dan menjalin hubungan baik dengan pedagang-pedagang lain yang datang dari berbagai-bagai kawasan di Nusantara. Di samping itu, pada abad-abad 14, 15, 16, dan 17 Masihi menyaksikan bahawa kegiatan perdagangan amat menggalakkan sekali. Contohnya, pada abad ke-14 kerajaan Pasai, abad ke-15 kerajaan Melaka, dan pada abad ke-16 kerajaan Aceh merupakan pusat-pusat

perdagangan yang mewarnai kegiatan perdagangan di Nusantara. Kedudukan Nusantara yang amat strategik membantu kerancangan perdagangan.

2. Faktor Ajaran Islam

Kedatangan Islam ke Nusantara terpaksa menghadapi persaingan agama Hindu yang telah bertapak selama 13 abad. Namun, semua aspek ajaran Islam itu mempunyai kelebihan yang menyebabkan Islam mudah diterima oleh penduduk Nusantara. Salah satu kebaikan Islam ialah mudah difahami, tidak bertentangan dengan akal fikiran, sentiasa rasional dan amat sesuai bagi semua manusia pada segenap zaman dan tempat. Misalnya, dalam aspek sosial, Islam mengajarkan bahawa semua manusia adalah sama taraf dan manusia yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah mereka yang paling bertakwa. Di samping itu, Islam memberikan jaminan dan keadilan sosial, menekankan persaudaraan Islam yang bersifat universal, tolong-menolong, hormat-menghormati, bersatu padu, dan lain-lain.

3. Faktor Ahli Tasawuf dan Pendakwah

Ahli tasawuf dan pendakwah ialah ulama Islam yang kuat berpegang dan beramal dengan ajaran Islam. Akhlak mereka menyebabkan agama Islam masyhur dan mendapat sanjungan serta menarik minat penduduk Nusantara. Mereka bukan sahaja berpakaian bersih dan tertib, tetapi semua tingkah laku dan tutur kata mereka amat menarik dan mempersonakan serta penuh dengan hikmah. Pada peringkat permulaannya, mereka dikatakan menghadapi tentangan sami-sami Hindu yang menggunakan berbagai-bagai ilmu sihir untuk mematahkan kegiatan dakwah dan pengaruh Islam. Dengan pertolongan Allah SWT, mereka dapat menghadapinya. Oleh itu, orang ramai mudah mempercayai kebenaran ajaran Islam. Pada zaman kekuasaan Melaka, Aceh, dan Demak, para ahli tasawuf mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan sultan dan pembesar-pembesar negara. Contohnya, pada zaman Aceh mereka memainkan peranan penting dalam urusan pemerintahan. Mereka menganggotai beberapa lembaga pemerintahan. Balai Gadang pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, telah dianggotai oleh 22 orang ulama terkenal di Aceh. Di samping itu, ulama-ulama luar yang datang ke Aceh seperti dari negeri-negeri Semenanjung Arab, Parsi, Turki, India, Gujerat, dan lain-lain telah menjadi penasihat kepada kerajaan dan guru-guru kepada institusi pengajian dan masjid-masjid.

4. Faktor Penaklukan

Penaklukan juga tidak kurang pentingnya menjadi faktor penyebaran Islam di Nusantara. Penaklukan yang dilakukan oleh sesebuah negara Islam ke atas daerah lain mendorong tersebarnya Islam dengan cepat. Jika daerah yang ditawan belum Islam maka melalui penaklukan itu para pembesarnya akan terpengaruh dengan

Islam kerana motif polotik, kedudukan, ekonomi, dan sebagainya. Jika daerah yang ditakluk itu telah Islam maka Islam dapat dikembang dengan lebih berkesan lagi. Contohnya, catatan Ibn Batutah membuktikan bahawa Kerajaan Pasai telah meluaskan kuasa politiknya ke daerah sekitarnya melalui peperangan lalu Islam tersebar luas di daerah tersebut. Melaka pula pada zaman kekuasaan Bendahara Tun Perak telah berjaya menakluki beberapa daerah di Tanah Melayu dan Sumatera seperti Pahang, Terengganu, Patani, Kampar, Inderagiri, Rokan, Siak, Johor, Bengkalis, dan lain-lain.

5.Faktor Kesusasteraan dan Penulisan

Kesusasteraan dan penulisan juga menjadi faktor penting tersebarnya Islam di Nusantara. Selepas kedatangan Islam, muncul tulisan jawi yang berasal daripada abjad huruf Arab. Dengan adanya tulisan tersebut maka bahasa Melayu berkembang dengan pesat sekali. Nahu dan perbendaharaan bahasa Melayu dilengkapi dengan pengaruh unsur-unsur nahu dan kata-kata Arab hingga bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar bagi sistem pelajaran dan pendidikan di Nusantara. Selain itu, berbagai-bagai bentuk sastera Arab seperti syair, sajak, nazam, dan sebagainya telah mempengaruhi bahasa Melayu. Akhirnya, lahir ramai tokoh pengarang Islam dalam kalangan para ulama yang gigih menghasilkan karya sastera yang berunsur Islam. Banyak kitab agama dikarang atau diterjemahkan ke bahasa Melayu. Karya terjemahan tentang kisah-kisah Nabi Muhammad SAW dan sahabat menarik minat dan perhatian penduduk Nusantara. Contohnya, Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Raja Khandak, Hikayat Nabi Wafat, Hikayat Nabi Mengajar anaknya Fatimah, Hikayat Nur Muhammad, dan sebagainya sering dibacakan kepada penduduk Nusantara.

6.Faktor Perkahwinan

Perkahwinan turut menjadi faktor penting dalam penyebaran Islam di Nusantara. Perkahwinan berlaku melalui dua cara iaitu perkahwinan antara saudagar Islam dengan gadis-gadis tempatan, terutama anak gadis pembesar atau kerabat diraja tempatan. Keduanya ialah perkahwinan antara raja dengan puteri raja daerah atau negeri lain. Contohnya, perkahwinan Merah Silu dengan puteri raja Perlak menyebabkan beliau memeluk Islam dan bergelar Malikul Salleh. Rakyat Pasai turut memeluk Islam kemudiannya.

7.Peranan Pemerintah di Nusantara

Penyebaran Islam di Nusantara sangat berkait rapat dengan peranan pemerintah. Minat dan sokongan raja-raja dan pembesar-pembesar negeri terhadap gerakan penyebaran Islam sangat penting. Contohnya, sultan-sultan di Aceh terlibat secara langsung dalam kegiatan ilmu pengetahuan dan penyebaran Islam. Antaranya ialah Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Syamsuddin al-Sumaterani dihantar ke Pahang untuk meyebarkan dakwah Islamiah. Sultan

Iskandar Muda Mahkota Alam turut menjadikan Aceh sebagai pusat pengajian dan kebudayaan Islam sehingga digelar sebagai Serambi Mekah. Institusi istana menjadi pusat pendidikan pengajian ilmu dan penyebaran Islam. Peranan sultan Melaka seperti Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mansur Syah. Sultan Muzaffar Syah

8. Hubungan Diplomatik

Penyebaran Islam di Nusantara turut didorong oleh faktor hubungan diplomatik dengan negara luar seperti Kerajaan Moghul di India dan Makkah. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh misalnya mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Islam seperti Gujerat, Malabar, Turki, Mesir, Mekah dan lain-lain. Pada zaman baginda, Aceh telah dikunjungi oleh para ulama seperti Sheikh Abdul Kadir Ibn Hajar dan Sheikh Muhammad Yamani dari Mekah.

9. Pelaksanaan Perundangan Dan Keadilan

Hukum Kanun Melaka mempunyai unsur-unsur Islam. Jadi pelaksanaan undang-undang ini mewujudkan keadilan dalam masyarakat

10. Faktor Institusi Pendidikan

Contoh Istana-istana, pondok, balai gadang, Jamiah Baitul Rahman. Para pelajar yang menerima ilmu pengetahuan dan ajaran Islam akan menyebarkan pula di tempat masing-masing setelah tamat pengajian.

C. KESIMPULAN (1 markah)

Apa-apa yang berkaitan.

7. DENGAN MEMBERIKAN CONTOH – CONTOH YANG SESUAI, BINCANGKAN STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT YANG WUJUD DALAM TAMADUN AWAL MANUSIA

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang tamadun awal

2. Pengertian Struktur sosial

Merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa kekayaan, gaya hidup, pekerjaan, dan sebagainya. Melvin Tumin menyatakan organisasi sosial merujuk kepada penyusunan kelompok masyarakat dalam satu struktur atau kedudukan yang berbeza dari segi kuasa, harta, penilaian sosial, dan kepuasan rohani.

3. Struktur sosial wujud hasil pembentukan organisasi sosial yang sememangnya dapat dikesan sejak Zaman Neolitik berikutan berlakunya perubahan cara hidup masyarakat yang mula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian yang telah menimbulkan pelbagai kelas dalam masyarakat sama ada pemerintah dan paderi yang menggunakan autoriti dan kuasa agama untuk menguasai hasil ekonomi Negara diikuti munculnya golongan tentera untuk melindungi kekayaan dan kepentingan negara serta kelas yang paling bawah biasanya petani dan hamba yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil hasil ekonomi negara.

4. Penegasan soalan - Pendek kata, dengan wujudnya organisasi sosial dalam sesebuah masyarakat amalan pengkhususan kerja dapat diamalkan seterusnya pasti membawa kepada kelancaran melaksanakan sesuatu aktiviti termasuk kegiatan ekonomi. Hasilnya terbentuklah struktur social yang menentukan hieraki kedudukan masyarakat dalam sesebuah tamadun.

B. ISI-ISI PENTING (5 isi X 4 markah)

Struktur Sosial di Lembah Indus

1. Golongan Pendeta

Disebabkan tidak adanya sistem pemerintahan beraja, maka tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran Negara dipikul atau diamanahkan kepada

golongan pendeta yang dianggap golongan yang suci serta mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tuhan ataupun dewa.

Dari segi pentadbiran dan perundangan misalnya, golongan pendeta bertanggungjawab menggubal serata melaksanakan peraturan dan undang-undang yang pada amnya lebih bersifat keagamaan berdasarkan kitab-kitab suci mereka.

Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi, kerana institusi agama(kuil)mempunyai tanah-tanah pertanian yang luas akan dikerjakan oleh golongan petani ataupun hamba.

Golongan ini juga bertanggungjawab mengagihkan hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan dalam jelapang.

Dari segi sosial pula,tanggungjawab kebajikan yang dipikul oleh golongan ini ialah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pembaikan jalan raya.

2. Golongan Pedagang

Merupakan satu lagi kelas yang diletakkan dalam kategori kelas atasan dalam masyarakat di lembah Indus.Golongan ini sebagaimana golongan pendeta hidup dalam keadaan mewah dan mempunyai pekerja-pekerja yang terdiri samada golongan buruh yang merdeka atau hamba.

Golongan ini dapat menjalani kehidupan yang mewah kerana urusan perdagangan yang dijalankan oleh mereka adalah bebas, iaitu tiada campur tangan golongan pendeta serta dikecualikan daripada membayar cukai.

Para pedagang ini juga mempunyai cop-cop mohor yang mempunyai lambang bercorak keagamaan yang menandakan kekayaan yang dimiliki serta dipercayai menjadi azimat yang ada kuasa sakti

3. Golongan bawahan

Sebagaimana yang dinyatakan di awal tadi, golongan bawahan masyarakat di Lembah Indus terdiri daripada golongan petani, buruh dan hamba

Golongan petani biasanya tinggal di rumah-rumah kecil ataupun yang disediakan oleh golongan pedagang, biasanya rumah tersebut hanya mempunyai 2 buah bilik.

Segala kerja pertanian yang dijalankan oleh golongan petani akan diawasi oleh para pendeta.

Sementara golongan buruh pula biasanya akan menjalani tugas-tugas seperti menghantar bijirin, membina tembok dan menenun kain.

Manakala kerja-kerja yang lebih keras seperti mengumpul, menyimpan bijirin yang dihasilkan oleh petani dijalankan oleh hamba

4. Kedudukan Struktur Sosial selepas kedatangan orang-orang Aryan

Dengan kedatangan orang-orang Aryan sistem sosial masyarakat di sini kini dipengaruhi oleh sistem kasta. Sistem ini mengklasifikasikan penduduk mengikut pekerjaan mereka.

Golongan yang paling tinggi dalam masyarakat dikenali sebagai Brahman yang berurusan dalam soal keagamaan serta spiritual dan mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang politik dan pemerintahan

Golongan kedua pula Kshatriya yang bertanggungjawab pula menjalankan tugas-tugas ketenteraan seperti memberikan perlindungan kepada Brahman dan menghadapi musuh tatkala diancam.

Seterusnya pula, golongan Vaishya yang biasanya dirujuk kepada golongan yang mempunyai kekayaan khususnya golongan pedagang.

Manakala kasta yang paling rendah di antara 4 kelas ialah sudra iaitu biasanya merujuk kepada golongan petani

Kasta-kasta yang diamalkan di sini amat rigid, menyebabkan pergaulan antara kelas atasan dan bawahan adalah amat terbatas

Struktur Sosial masyarakat China

1. Golongan raja

Merupakan kelas tertinggi dalam masyarakat China, merupakan sumber kesahan dan mempunyai *supreme authority* sebagaimana peranan Firaun di Mesir.

Antara tugas raja di China ialah menjadi sumber undang-undang Negara, segala arahan dan perintah raja mesti dilaksanakan, menjadi ketua agama, ketua kerajaan dan hakim, mengetuai upacara agama, melantik ketua pelbagai jenis agama dan kepercayaan, dan juga melantik pegawai pentadbir untuk melicinkan struktur pentadbiran

Seseorang yang dilantik menjadi raja dipercayai mendapat mandat dari tuhan atau syurga seandainya berlaku bencana alam seseorang raja itu harus ditukar samada secara baik ataupun melalui pemberontakan

Walaupun begitu, kebanyakan tugas raja dijalankan oleh wakil-wakilnya atas nama baginda, biasanya golongan aristokrat atau bangsawan dalam masyarakat China.

2. Golongan Aristokrat

Merupakan pembantu utama raja, dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sistem politik dan sosial masyarakat China

Di zaman dinasti Shang, golongan ini memonopoli penggunaan gangsa dalam bentuk alat-alat ritual dan senjata

Sesuai dengan tarafnya, golongan ini membina rumah kediaman berhampiran rumah ibadat yang biasanya dikelilingi oleh tembok sebagai langkah keselamatan. Di zaman Dinasti Chao, golongan ini amat berpengaruh, mempunyai banyak pengikut serta tanah-tanah yang dikerjakan oleh petani sesuai dengan sistem feodal yang diamalkan pada masa itu.

3. Golongan yang diperintah

Dari segi pekerjaan masyarakat China dapat dibahagikan kepada 4 kelas, kelas yang tinggi darjatnya ialah golongan cerdik pandai yang berperanan memberi nasihat kepada raja dan masyarakat berhubung dengan pentadbiran serta tingkah laku.

Sesuai dengan penguasaannya dalam ilmu-ilmu tertentu, maka tidak hairanlah golongan ini terlalu dipuja oleh masyarakat.

Golongan inilah yang bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai aliran pemikiran di China seperti Confucianisme, Taoisme, Legalisme, Moisme, dan Monisme.

Golongan yang kedua terpenting dalam masyarakat China yang menjadikan organisasi di sini agak unik ialah petani, mereka dianggap kumpulan mulia kerana membekalkan makanan yang merupakan asas kepada kehidupan manusia.

Kelas seterusnya ialah golongan artis @ tukang-tukang yang mahir yang bertanggungjawab menghasilkan monumen – monumen tertentu.

Akhir sekali dalam kelas masyarakat ini ialah golongan pedagang yang diletakkan ditangga terbawah kerana mereka dianggap penipu serta mengaut keuntungan daripada rakyat, tidak seperti tamadun lain tetapi tidak dipandang tinggi oleh masyarakat.

Bagi masyarakat China selain pedagang dipandang rendah satu lagi kumpulan yang lebih hina kedudukannya iaitu terdiri daripada pelakon, pelacur serta hamba tidak mempunyai tempat di sisi masyarakat.

Ditinjau dari aspek kekeluargaan pula golongan pembesar dan kerabat diraja pula tidak dibenarkan berkahwin lebih dari seorang perempuan. Golongan wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki, hanya lelaki mempunyai kuasa menceraikan isteri.

Struktur Sosial Mesopotamia

1. Raja

Raja berkuasa dan berkedudukan tertinggi dan merupakan wakil Tuhan dan harus mentadbir dengan adil dan saksama. Institusi beraja berasal daripada jawatan Ensi (gubnor) dan lugal/raja yang dianggap mendapat mandat daripada Tuhan. Raja merupakan ketua pentadbir, tentera dan agama.

2. Bangsawan

Hierarki kedua tertinggi selepas raja . Dikenali sebagai marbanuti, iaitu akan membantu raja dalam pentadbir. Berkuasa memilih pewaris takhta. Terdiri daripada pegawai kerajaan seperti panglima tentera, ketua pendeta dan gabnor yang dilantik oleh raja. Mereka tinggal di rumah sendiri dan memiliki ramai pekerja. Sumber kekayaan mereka daripada rampasan perang dan cukai daripada rakyat.

3. Profesional/tentera

Golongan professional merupakan hierarki yang ketiga. dikenali sebagai ummane yang terdiri daripada pengusaha bank, pedagang, doktor, artis dan jurutulis. Mempunyai persatuan menjaga kepentingan mereka. Berperanan penting dalam ekonomi kerajaan dan mewariskan pekerjaan kepada anak masing-masing.

4. Hierarki terbawah rakyat biasa dan hamba.

Rakyat biasa dan hamba merupakan hierarki terbawah. rakyat biasa dikenali sebagai Hupsi- terdiri daripada petani, askar dan hamba. Hamba terdiri daripada mereka yang boleh dijual, tawanan perang dan orang berhutang. Dilayan baik dan mempelajari kemahiran serta memiliki harta. Semasa Babylon, kelas sosial mushkennum ialah rakyat biasa yang miskin yang yang tiada keistimewaan.

Struktur Sosial Mesir

1. Raja

Kedudukan tertinggi, dianggap sebagai tuhan yang melindungi rakyat. Peranan raja sebagai ketua pendeta, ketua pentadbir dan ketua hakim. Bergelar Firaun yang dianggap jelmaan tuhan Horus dan anak tuhan matahari.

2. Golongan bangsawan

Tamadun Mesir- kedua tertinggi selepas raja . Terdiri daripada pegawai tinggi yang dilantik raja contoh pendeta, penguasa dan pentadbir. Memegang jawatan sebagai wazir dalam pentadbiran. Juga memegang jawatan sebagai wazir dalam pentadbiran. Turut memegang jawatan pendeta yang menjaga rumah ibadat, kuil, mengutip cukai dan penulis salasilah raja. Berperanan dalam perlantikan raja dan kedudukan pendeta sangat penting dalam masyarakat. Orang Mesir percaya hanya pendeta yang boleh mententeramkan tuhan yang menguasai alam sekitar.

3. Golongan professional/tentera

Mesir - Golongan ketiga terdiri daripada kalangan tentera, tukang-tukang, petani dan artisan. Tentera yang berjaya dalam peperangan boleh memiliki pembantu rumah, harta rampasan perang, ganjaran, pangkat dan tanah daripada estet diraja. Buruh raja terdiri daripada pelombong emas, kuari, pekerja binaan, membuat tembikar, membina piramid dan istana raja/firaun. Golongan petani ditindas dan terikat dengan tuan tanah. Tiada kebebasan dan menjadi buruh paksa dalam pembinaan candi.

4. Hierarki terbawah rakyat biasa dan hamba.

Mesir - golongan hamba tiada kebebasan dan terdiri daripada tawanan perang. Bekerja di ladang raja dan rumah berhala/kuil. Zaman Ramses II, tawanan perang dari Syria dipaksa berkerja di kawasan pembinaan.

C. KESIMPULAN (2 markah)

Masyarakat pada zaman Tamadun awal mempunyai kelas-kelas yang berbeza mengikut keturunan, kedudukan, pangkat dan pencapaian

-Apa-apa yang berkaitan

- Sekiranya pelajar menjawab mengikut organisasi dengan memberikan contoh dari tamadun boleh diterima. Pemeriksa boleh memberikan markah secara impression

8. NILAIKAN KEPENTINGAN PENJELAJAHAN DAN PENEMUAN OLEH CHRISTOPHER COLUMBUS, FERDINAND MAGELLAN DAN VASCO DA GAMA

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Definisi penjelajahan dan penerokaan
2. Latar belakang penjelajahan dan penerokaan bangsa Eropah.
3. Asal-usul penjelajahan dan penerokaan bangsa Eropah.
4. Penegasan soalan – Penjelahan ketiga-tiga tokoh ini telah member sumbangan yang besar pada perkembangan tamadun dunia

B. ISI-ISI PENTING (7 isi x 3 markah: 21 markah)

1. Penemuan Christopher Columbus, Vasco da Gama dan Ferdinand Magellan telah memulakan pertapakan ekonomi kuasa-kuasa barat di benua Amerika dan Asia.

Penemuan Vasco da Gama dan Christopher Columbus menjadi titik permulaan proses pemindahan kekayaan dari benua Amerika dan Asia ke benua Eropah. Contohnya kepulauan Vasco da Gama ke Portugal pada tahun 1498 dengan membawa satu kargo rempah yang dapat dijual dengan memperoleh pendapatan lebih 60 kali ganda dari kos penjelajahannya. Beliau mendapat untung besar kerana laluan baru melalui Tanjung Pengharapan di hujung benua Afrika adalah lebih berbanding jalan perdagangan lama melalui Asia Barat. Selepas tahun 1505, secara purata dua belas buah kapal setahun telah bertolak dari Lisbon ke Timur Jauh. Portugis menjadi pengasas kepada kewujudan jaringan perdagangan Eropah. Kekayaan dari Timur mula mengalir ke benua Eropah.

2. Penemuan benua yang kaya dengan logam berharga.

Selepas menjelajah kali kedua ke benua Amerika, emas dan perak mula mencurah masuk ke perbendaharaan Sepanyol. Antara tahun 1500 sehingga 1650, tidak kurang daripada 18,600 tan perak dan 200 tan emas di bawa ke Eropah. Jumlahnya lebih besar lagi sekiranya dicampur emas dan perak yang dibawa melalui penyeludupan.

Selain logam , Eropah juga membawa masuk beberapa jenis tanaman yang mula mengubah kualiti pemakanan orang Eropah. Ini menyebabkan jumlah penduduk Eropah semakin bertambah. Contoh tanaman ialah gandum, tomato dan buah-buahan sitrus.

3. Perubahan pusat perdagangan

Pusat perkembangan perdagangan tidak lagi bertumpu di Mediterranean, tetapi telah beralih ke Lautan Atlantik. Dalam abad ke-16, Portugal dan Sepanyol muncul sebagai kuasa perdagangan utama di Eropah. Pusat dan kegiatan perdagangan juga tumbuh dengan pesat. Kaedah menjalankan perdagangan juga turut berubah. Organisasi kewangan seperti syarikat insuran dan bank berkembang pesat. Wujudnya perdagangan tiga segi antara Asia, Afrika dan Amerika. Ringkasnya, penemuan Columbus dan Vasco da Gama telah mengubah Eropah menjadi pusat perdagangan dan penghubung kegiatan perdagangan Asia, Afrika dan Amerika. Emas dan perak yang masuk dengan banyak menyebabkan aliran wang dalam pasaran di Eropah meningkat secara mendadak. Ini membawa kepada peningkatan harga dengan pesat. Antara tahun 1520 hingga 1650, peningkatan harga barang di Eropah meningkat 200 hingga 400 peratus.

4. Muncul golongan pemodal dan perkembangan sistem ekonomi kapitalis di Eropah.

Kejatuhan golongan feodal telah mendorong raja-raja Eropah mengukuhkan sistem Negara kebangsaan. Hasil kerjasama golongan saudagar dengan raja, semakin Banyak kapal-kapal perdagangan Eropah menjelajahi Asia dan Afrika. Kapal-kapal ini Membawa hamba dari Afrika untuk bekerja di ladang-ladang pemodal Eropah di Amerika. Sehingga 1560, dianggarkan 100,000 orang Afrika dijadikan hamba di sana. Keuntungan dari perdagangan hamba digunakan untuk membawa balik barang dari Amerika ke Eropah dan mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada saudagar Eropah.

5. Kerajaan-kerajaan negara kebangsaan di Eropah member sokongan kuat kepada perkembangan teknologi persenjataan dan perkapalan. Kejayaan meningkatkan teknologi baru Eropah memajukan kapal perang menyebabkan Lautan Hindi dan Lautan Atlantik dimonopoli oleh kuasa-kuasa Eropah. Saudagar-saudagar Islam yang menguasai perdagangan di Lautan Hindi tidak dapat berfungsi lagi. Tempat mereka telah diambil alih oleh saudagar Portugis, Sepanyol, Inggeris dan Belanda. Pusat-pusat perdagangan penting di Laut Merah, Lautan Hindi dan di Asia Tenggara berada di tangan Portugis. Kuasa kapal perang menjadi penentu siapa yang Berjaya menguasai perdagangan.

6. Penjajahan

Berlakunya penjajahan di luar benua Eropah seperti Asia, Afrika dan Amerika

7. Penyebaran agama Kristian

8. Perkembangan intelektual

9. Migrasi

10. Persaingan kuasa Eropah

11. Perkembangan bahasa dan budaya

C. KESIMPULAN :

Apa-apa sahaja yang berkaitan (2 markah)

9. BINCANGKAN BENTUK AGAMA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT ARAB SEBELUM KEDATANGAN ISLAM DI SEMENANJUNG TANAH ARAB

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang zaman Jahiliah
 - a. Zaman sebelum kedatangan Islam dikenali sebagai zaman Jahiliah, iaitu bermula dari tempoh keruntuhan empangan Maarib sehingga zaman kedatangan Islam (610 M)
 - b. Ciri-ciri masyarakat Jahiliah ini –tidak mempunyai nabi dan rasul serta kitab suci sebagai panduan.
2. Definisi Jahiliah
Perkataan Jahiliah yang bererti bodoh menepati ciri-ciri masyarakat pada tempoh masa tersebut dalam semua aspek kehidupan.
3. Latar belakang Tanah Semenanjung Tanah Arab
4. Latar belakang Agama dan kepercayaan masyarakat Arab
 - a. Kepercayaan masyarakat Jahiliah terbahagi kepada 2 iaitu, kepercayaan agama dan kepercayaan adat. Kepercayaan agama ialah bentuk-bentuk agama yang diamalkan oleh bangsa Arab, sementara kepercayaan adat lebih merupakan kepercayaan tahyul dan tradisi lama yang diwarisi.
 - b. Kepercayaan adat tidak mempunyai konsep penyembahan sebaliknya membentuk sebahagian daripada budaya hidup mereka.
5. Penegasan soalan – Kepercayaan agama terbahagi dua iaitu Agama Samawi (Agama langit) yang diturunkan oleh Allah melalui nabi-nabi dan mempunyai kitab, dan agama ardhi (agama ciptaan) yang direka oleh manusia sendiri.

B. ISI-ISI PENTING (7 isi X 3 markah = 21 markah)

1. Agama Hanif

Agama yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim. Penganutnya digelar Hunafa". Agama ini tidak mempunyai kitab tetapi suhuf. Agama ini mentauhidkan Allah sebagai Tuhan yang Esa. Antara tokoh yang menganut agama ini ialah Waraqah bin Naufal dan Nabi Muhammad s.a.w sendiri.

2. **Agama Yahudi**

Agama yang dianuti oleh masyarakat Arab sebelum Islam. Agama ini dibawa oleh Nabi Musa serta mempunyai kitab suci, iaitu kitab Taurat. Walau bagaimanapun Golongan Bani Israel telah mengubah kandungan kitab ini demi kepentingan peribadi sehingga agama ini dianggap syirik kerana menduakan Allah.

3. **Agama Nasrani**

Agama ini juga telah diselewengkan oleh golongan pendeta agama tersebut. Meskipun Allah telah menurunkan kitab Injil kepada Nabi Isa, namun penganut agama ini telah mengubah kandungan asalnya. Penganut agama asal agama Nasrani dikenali dengan gelaran ahli kitab.

4. **Agama Wathani**

Majoriti masyarakat Jahiliah menganut agama wathani, iaitu agama sembah berhala yang diperbuat daripada batu, kayu atau emas. Sesetengah Arab percaya berhala dapat memberikan manfaat dan mudarat, mempunyai keberkatan dan sebagainya. Terdapat 360 buah berhala disekeliling Kaabah. Antara yang popular ialah Al-Uzza, Al-Manat, dan Al-Hubal.

5. **Agama Majusi**

Agama ini juga digelar Zoroaster dan berasal dari Farsi. Mereka menyembah matahari dan api. Pendeta - pendeta Majusi menyembah matahari 4 kali dalam satu hari. Agama ini banyak mengandungi cerita khayal dan turut menghalalkan perkahwinan ibu dengan anak serta adik beradik.

6. **Agama penyembahan Cekarawala**

Mereka menyembah matahari, bulan dan bintang serta beranggapan semua cekarawala merupakan sumber tenaga dan kekuatan.

5. **Kepercayaan Animisme**

Mereka menyembah objek-objek alam sekeliling seperti pokok, mereka percaya air dan pokok merupakan sumber kehidupan dan padang pasir yang kering sebagai tempat kediaman tuhan yang jahat.

6. **Kepercayaan Penyembahan Makhluk Halus (Polydemonisme)**

Mereka menyembah malaikat, Jin, roh nenek moyang dan sebagainya. Makhluk makhluk ini dianggap mempunyai kuasa ghaib dan boleh menjadi perantaraan dengan Tuhan, dan menjamin keselamatan mereka.

7. Penyembahan Tuhan Padang Pasir.

Penganutnya digelar Ahl-al-Saf ('ahlil-saf'). Mereka percaya bahawa padang pasir wujud tetapi tidak pernah ditemui. Amalan mereka membawa api pada waktu malam dan berjalan-jalan di tengah padang pasir sambil menyanyi.

8. Kepercayaan tahyul

a. Kepercayaan tangkal azimat

b. Roh orang mati menjadi burung.

c. Percaya kepada ahli nujum.

d. Percaya kepada ahli sihir.

Percaya kepada binatang yang melintas di tengah-tengah perjalanan- Jika ke kiri membawa kepada keburukan, manakala ke kanan akan membawa kebaikan.

e. Mengorbankan anak perempuan merupakan perbuatan yang mulia.

f. Mengikat tali pada mana-mana pokok, jika ikatan terlerai sekembalinya suami dari perantauan, ini bermakna isterinya telah berlaku curang.

g. Membuat keputusan melalui anak panah.

C. KESIMPULAN (1 markah)

Gambaran kehidupan masyarakat Jahiliah di atas menunjukkan mereka tidak mempunyai peraturan hidup yang jelas, sebaliknya menurut hawa nafsu semata-mata. Kedatangan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w telah mengubah corak kehidupan masyarakat Arab Jahiliah khususnya dari segi agama dan kepercayaan.

10. HURAIKAN CIRI-CIRI UTAMA SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM PADA ZAMAN KERAJAAN BANI ABBASIYAH

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang pemerintahan kerajaan Abbasiyah

Kemunculan pemerintahan Abbasiyah merupakan permulaan suatu order baru yang berasaskan ekonomi pertanian dan perdagangan serta kuasa pemerintah kosmopolitan yang terdiri daripada orang Arab Yaman yang menentang Umayyah dan kelas Mawali yang berasal daripada orang-orang Parsi, Mesir, Berber, dan lain-lain. Mereka terlibat dalam revolusi Abbasiyah dan berjaya menggulingkan Umayyah pada tahun 750 TM. Ibu kota pemerintahan Islam di pindah ke Ambar dan kemudiannya ke Baghdad. Oleh itu, fokus politik Islam berpindah dari Syria dan Mediterranean ke Mesopotamia. Sistem politik dan pemerintahannya telah banyak dipengaruhi unsur-unsur kebudayaan Parsi. Baghdad menjadi pusat kegiatan ekonomi dan intelektual dan mencapai puncak kecemerlangannya pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid dan anaknya al-Mamun.

2. Tokoh-tokoh khalifah terkenal zaman Abbasiyah. –Khalifah Abu Abbas Al Saffah, Khalifah Harun Al Rashid dan lain-lain

3. Penegasan soalan – Sistem pemerintahan Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah Menampakkan perubahan daripada sistem pemerintahan pewarisan yang meentingkan keturunan Arab kepada darah bukan keturunan Arab

B. ISI-ISI PENTING (7 isi x 3 markah : 21 markah)

1. Kedudukan Khalifah

Khalifah merupakan kuasa tertinggi dalam struktur kerajaan Abbasiyah. Khalifah berkedudukan autokratik dan semua perintah berpunca daripadanya. Di samping kuasa sekular, khalifah mempunyai kewibawaan spiritual (*divine authority*). Pada peringkat kemunduran Abbasiyah, kedudukan khalifah terus dikekalkan kerana ia dianggap punca kesahan kewibawaan dan kuasa seseorang atau sesuatu jawatan.

2. Dasar Terbuka dalam Pentadbiran

Sistem pemerintahan Abbasiyah membayangkan keadaan sebenarnya masyarakat majmuk. Kerajaan Abbasiyah didukung oleh pelbagai bangsa terutamanya bangsa Arab dan Parsi serta bangsa-bangsa lain. Walaupun pada peringkat awal Khalifah Abbasiyah daripada keturunan Arab tetapi yang memantapkan kedudukan khalifah ialah bangsa berketurunan Parsi.

3. Sistem Birokrasi

Pada zaman Abbasiyah, semua hal yang berkaitan dengan pentadbiran dilaksanakan oleh sebuah birokrasi yang berbentuk hierarki. Sistem birokrasi mencontohi Kerajaan Sasani dengan majoriti pegawai diambil daripada kelas Mawali iaitu orang Islam yang tidak berketurunan Arab. Jawatan yang penting ialah wazir yang menjadi ketua seluruh jentera pentadbiran. Dalam pentadbiran Abbasiyah, beberapa jabatan telah ditubuhkan seperti jabatan akaun, jabatan cukai, jabatan pos dan sebagainya.

4. Pentadbiran Pusat dan Wilayah

Dalam pentadbiran wilayah-wilayah, kerajaan pusat di Baghdad mempunyai hubungan yang rapat dengan wilayah. Pentadbiran wilayah terserah kepada seorang gabenor atau amir yang dilantik dengan persetujuan wazir untuk menguruskan hal-hal kerajaan. Kedudukan amir bergantung kepada kebolehnya dan hubungan dengan kerajaan pusat. Amir-amir tertakluk kepada pengawasan *Diwan al-Barid* (Jabatan Pos). Setiap wilayah juga mempunyai jabatan pos sendiri dan amir wajib melaporkan semua hal ehwal kerajaan wilayah kepada ketua Jabatan Pos di Baghdad.

5. Pentadbiran Kehakiman

Dalam urusan kehakiman segala urusannya diserahkan kepada ulama-ulama yang dilantik oleh ketua hakim. Hal-hal sivil yang berkaitan dengan orang-orang bukan Islam terserah kepada ketua-ketua agama mereka sendiri manakala hal-hal orang Islam diuruskan oleh kadi. Pelantikan hakim berasaskan beberapa syarat seperti lelaki dewasa, beragama Islam, berfikiran waras, dan berpengalaman dalam bidang ilmu pengetahuan.

6. Pentadbiran Ketenteraan dan keselamatan

Pada peringkat awal pemerintahan Abbasiyah, khalifah telah melakukan beberapa perubahan dalam organisasi ketenteraannya. Pertama, keanggotaan tentera Abbasiyah tidak terbatas kepada orang-orang Arab sahaja. Bayaran elaun dan hak-hak istimewa yang pernah diberikan kepada orang-orang Arab telah diberhentikan kecuali mereka yang masih berkhidmat tetap. Kedua, tentera Abbasiyah terdiri daripada tentera bergaji tetap dan tentera sukarela yang hanya menerima bayaran sewaktu mereka bertugas dalam sesuatu kempen. Ketiga, khalifah mewujudkan tentera peribadi yang dikenali tentera Khurasan. Keempat, tentera Abbasiyah juga terdiri daripada orang-orang Turki yang berasal dari Asia Tengah. Mereka ialah mamluk yang mempunyai kedudukan sosial bertaraf hamba.

7. Pengurusan Ekonomi

Berbanding dengan Umayyah, pemerintahan Abbasiyah menggalakkan bidang pertanian dan industri untuk memperkukuh ekonomi empayar. Taraf sosial kaum tani

dipertingkatkan dengan pemberian hak pemilikan tanah yang lebih adil dan pelaksanaan sistem cukai yang lebih berpatutan. Perkembangan ekonomi menyebabkan lahirnya golongan pemerintah yang tidak bergantung kepada keturunan tetapi berasaskan kekayaan dan pengetahuan ilmu.

8. Dasar Terhadap Golongan Bukan Islam

Dasar terhadap golongan *dhimmi* (orang bukan Islam) adalah lebih terbuka. Mereka menikmati kebebasan mengamalkan agama mereka sendiri. Kerap kali mereka diambil untuk berkhidmat dalam birokrasi kerajaan. Berbanding dengan pemerintahan Umayyah, golongan ini menikmati taraf sosial yang jauh lebih tinggi pada zaman Abbasiyah.

9. Peningkatan taraf keintelektualan

Penterjemahan, perkembangan pelbagai ilmu, dan kelahiran pelbagai mazhab pada zaman Abbasiyah menyebabkan berlakunya peningkatan taraf keintelektualan. Zaman Abbasiyah menyaksikan penterjemahan karya-karya Plato, Aristotle, Euclid, Galen, dan lain-lain ke dalam bahasa Arab yang menjadi bahasa perantaraan di seluruh Asia Barat. Sekolah dan pusat pengajian tinggi diwujudkan di seluruh empayar.

10. Hubungan Diplomatik

Pada zaman Harun al-Rasyid telah muncul empat buah kerajaan besar iaitu kerajaan Byzantine yang berpusat di Istanbul, kerajaan Bani Umayyah di Sepanyol, kerajaan Perancis di Eropah, dan kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Hubungan kerajaan Harun al-Rasyid dengan kerajaan Perancis adalah baik. Perancis tidak mahu kerajaan Abbasiyah berbaik-baik dengan kerajaan Umayyah. Sebaliknya, hubungan kerajaan Abbasiyah dengan kerajaan Byzantine adalah genting dan sering bermusuhan.

11. Sistem Pewarisan Dasar Pemerintahan

Al Makmum mewarisi pemerintahan bapanya Abu Jaafar Al Mansur. Beliau meneruskan kegemilangan pentadbiran dan keintelektualan yang telah dilaksanakan oleh bapanya.

C. KESIMPULAN (1 markah)

Apa-apa yang berkaitan.

11. JELASKAN KONSEP JIHAD DALAM KETENTERAAN DAN HURAIKAN ETIKA PEPERANGAN BERDASARKAN SIRI PEPERANGAN PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD S.A.W HINGGA ZAMAN KHULAFK AL RASYIDIN

A. PENDAHULUAN (3 markah)

1. Latar belakang peperangan dalam Islam

Peperangan dalam Islam adalah untuk menegakkan ajaran Allah dan tanggungjawab individu Muslim untuk mempertahankan Islam. Islam tidak menggalakkan peperangan dan Allah tidak mengizinkan orang Islam berperang melainkan setelah diancam. Kegiatan ketenteraan menjaga kesucian agama dan kesejahteraan umatnya dan manusia sejagat.

2. Tujuan Peperangan

Tetapi dalam keadaan tertentu, peperangan terpaksa dilakukan bagi mengelakkan berlaku kezaliman, keganasan dan kekufuran. Ayat-ayat al-Quran menjelaskan bahawa peperangan dalam Islam tercetus setelah mendapat keizinan Allah seperti ayat 39 dalam surah al-Haj.

3. Latar belakang Nabi Muhammad s.a.w dan Khulafa Al Rasyidin

4. Penegasan soalan – Jihad merupakan satu kewajipan untuk mempertahankan dan menegakkan agama Islam tetapi perlu berlandaskan etika yang telah digariskan oleh Islam

B. ISI-ISI PENTING (20 markah)

Konsep Jihad (6 markah)

1. Definisi Jihad – Memerangi musuh Islam dalam bentuk zahir dan batin sedaya upaya Dan ikhlas dan dilakukan sama ada dengan kata-kata atau perbuatan. Berjuang dalam peperangan menentang hawa nafsu, berjuang menegakkan keadilan dan berjuang pada jalan Allah.
2. Hukum Jihad – Fardu kifayah, jihad dalam keadaan biasa di mana sebahagian umat Islam boleh pergi berjuang. Fardu ain, apabila musuh sudah berada di dalam negeri Atau perkampungan Islam.
3. Kewajipan berjihad – Islam mengizinkan dan memerintah perang ke atas orang-orang Islam untuk menentang musuh dengan sebab-sebab tertentu seperti mempertahankan diri, umat Islam diserang, umat Islam dianiaya, umat Islam diusir.

Etika peperangan dalam Islam. (7 isi X 2 markah = 14 markah)

1. **Mematuhi peraturan** serta menuntut keredhaan Nya.
2. Memberikan **pilihan sebelum berperang** iaitu masuk Islam, Bayar Jizyah ataupun perang – Pada zaman Khalifah Abu Bakar semasa menggempur Hirah baginda

memberi pilihan kepada penduduk Hirah sama ada membayar jizyah atau memeluk Islam atau berperang. Manakala semasa gerakan Al Riddah Abu Bakar telah memberi kata dua kepada golongan Al Riddah sama ada kembali kepada Islam atau diperangi

3. Tentera Islam **dilarang bertindak kejam** terhadap tawanan perang, musuh yang telah mati – Perang Badar (tawanan Islam diberi peluang untuk mengajar anak-anak orang Islam membaca bagi yang tidak mampu membayar tebusan dan diberi peluang menebus diri).
4. Tentera Islam **dilarang memerangi** kanak – kanak, kaum wanita dan orang tua. – Semasa pembukaan Kota Mekah tentera Islam tidak dibenarkan membunuh wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua dan mereka yang berlindung di rumah Abu Sufiyah
5. **Dilarang memerangi** orang yang sedang beribadat dan orang awam.
6. Dilarang **mengejar musuh** yang sudah lari – Contoh Perang Uhud
7. Dilarang **memusnahkan hartabenda** musuh dan tanaman serta rumah ibadat – Contoh semua peperangan
8. **Berhenti perang** sekiranya musuh minta berdamai – Contohnya dalam Perang Siffin Saidina Ali memberhentikan peperangan setelah diminta berbuat demikian oleh tentera Muawiyah
9. **Patuh kepada ketua** – Contoh Perang Uhud
10. **Tidak boleh lari** dari medan perang – Contoh Perang Uhud
11. Dibolehkan **melakukan tipu muslihat** dalam peperangan – Rasulullah telah menghantar Naim bin Mas'ud untuk memecah belahkan kerjasama Yahudi dan musyrikin Mekah.
12. **Mematuhi perjanjian** – Contoh dalam Perjanjian Hudaibiyah

Lima ekspedisi penting yang boleh dijadikan contoh seperti :

1. Perang Badar.
2. Perang Uhud.
3. Perang Khandak
4. Perang Tabuk.
5. Perang Hunain – Taif.

C. KESIMPULAN (2 markah)

Apa – apa saja yang berkaitan.

12. BINCANGKAN FAKTOR - FAKTOR KEMUNCULAN MELAKA SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN DI ASIA TENGGARA PADA ABAD KE 15M DI ALAM MELAYU

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang Kesultanan Melayu Melaka
2. Latar belakang kegiatan perdagangan di Alam Melayu
3. Latar belakang Alam Melayu pada abad ke-15M
4. Penegasan soalan – Apa-apa sahaja berkaitan dengan Melaka

B. ISI-ISI PENTING (7 isi x 3 markah =21 markah)

1. Kedudukan geografi yang strategik

Kedudukan Melaka yang strategik menyebabkan ia menjadi tumpuan pedagang dari kawasan Asia Tenggara dan Barat. Menurut Andaya dan Andaya dalam Sejarah Malaysia, kedudukan Melaka yang strategik iaitu terletak di tengah-tengah jalan perdagangan antara India dan China. Sementara itu pelabuhannya terlindung daripada angin, kedudukan yang dalam dan jauh daripada paya bakau.

2. Pemimpin yang berwibawa.

Kehadiran pemimpin yang berwibawa telah menyemarakkan lagi Melaka sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara. Parameswara, Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah serta Bendahara Tun Perak telah Berjaya memajukan Melaka menjadi pusat perdagangan yang terkenal di serata dunia. Para pemimpin tersebut menjadi tulang belakang yang membawa kepada keagungan politik dan ekonomi Kesultanan Melayu Melaka.

3. Peranan dan pengaruh agama

Empayar Melaka merupakan empayar Islam. Pengislaman Parameswara telah menyebabkan ramai pedagang Islam telah memindahkan kegiatan perdagangan mereka ke Melaka dari Sumatera Utara. Pada masa itu saudagar-saudagar Islam meupakan pedagang utama di Melaka. Kedatangan mereka menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara.

4. Hubungan persahabatan antara Melaka dengan China

Melaka mendapat pengiktirafan dan perlindungan China daripada ancaman musuh. Melaka telah diselamatkan daripada ancaman Siam. Suasana yang aman dan damai yang wujud membolehkan perdagangan berjalan lancar. China juga telah menggalakkan kedatangan ramai pedagangnya yang membolehkan wujudnya perkembangan perdagangan dua hala.

5. Melaka berperanan sebagai pusat entrepot.

Perkembangan ekonomi perdagangan di Melaka bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pelabuhan Melaka sebagai pusat entrepot. Pelabuhan Melaka terletak di kawasan yang mempunyai hasil dagangan penting iaitu rempah ratus yang sangat diperlukan oleh saudagar dari timur dan barat. Ini telah menggalakkan kedatangan mereka untuk mengunjungi pelabuhan Melaka.

6. Dasar imperialisme kerajaan Melaka.

Kerajaan Melaka Berjaya menguasai kawasan yang luas sekaligus menguasai ekonomi dan hasil pengeluaran tempatan. Hasil-hasil tempatan dibawa ke pelabuhan untuk diniagakan. Penguasaan Melaka ke atas pinggir laut Sumatera telah menyebabkan Melaka memperoleh emas dari Siak dan lada hitam dari Kampar dan Rokan.

7. Pengurusan perdagangan yang cekap

Ramai pedagang asing berdagang di Melaka kerana tertari dengan pengurusan perdagangan yang cekap. Terdapat beberapa golongan penting menguruskan perdagangan seperti Syahbandar, Nakhoda dan Kiwi. Syahbandar menjadi orang tengah antara saudagar asing dengan kerajaan mengenai hokum dan sistem percukaian. Nakhoda dan Kiwi bertanggungjawab dalam hal perdagangan, perkapalan dan pelayaran.

8. Kemudahan di pelabuhan Melaka

Terdapat pelbagai kemudahan seperti tempat penginapan, tempat perniagaan, gudang, sistem sukatan dan timbangan dan kemudahan membaiki kapal telah menggalakkan kedatangan pedagang ke Melaka. Gudang bawah tanah dibina untuk membolehkan para saudagar menyimpan barang dagangan mereka dengan jaminan perlindungan daripada api, kerosakan dan kecurian. Gudang-gudang dikelilingi oleh pagar kayu dan mempunyai pintu berkunci serta dikawal oleh penjaga.

9. Sistem cukai yang berkeutamaan.

Sistem cukai berkeutamaan telah menarik perhatian pedagang untuk berdagang di Melaka. Kerajaan Melaka telah menggunakan sistem cukai berkeutamaan iaitu cukai rasmi sebanyak 6% untuk orang India, Sri Lanka dan Burma. 3% bagi saudagar Barat yang menetap di gugusan Kepulauan Melayu dan bayaran tidak rasmi bagi saudagar yang datang dari China dan negara sahabat seperti Jawa, Maluku dan Sumatera.

10. Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Lingua Franca

Kerajaan Melaka galakan penggunaan Bahasa Melayu kepada pedagang dalam urusan komunikasi dalam urusan perdagangan

11. Peranan Orang Laut

Orang Laut dilantik menjadi tentera untuk mengawal laluan perdagangan di Selat Melaka daripada ancaman lanun. Orang Laut mengetahui selok belok ilmu kelautan khususnya di sepanjang perairan Selat Melaka.

12. Pelaksanaan Undang-undang

Undang Laut Melaka telah dilaksanakan dalam system pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Pelaksanaan undang-undang ini membolehkan pedagang-pedagang mendapat jaminan keselamatan barang-barang, kapal dan diri mereka sendiri daripada unsur jenayah dan pencemaran lanun.

C. KESIMPULAN :

Apa-apa sahaja yang berkaitan. (1 Markah)

13. JELASKAN PERKEMBANGAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI ANDALUSIA (SEpanyol) PADA ABAD KE – 10M.

A PENGENALAN (3 markah)

1. Pendidikan Islam adalah wahana terpenting untuk meneruskan kesinambungan Budaya dan tradisi keilmuan Islam di dalam masyarakat. Pendidikan Islam merupakan satu proses pembentukan keperibadian manusia supaya menjadi hamba Allah S.W.T. yang beriman, bertakwa, dan beramal soleh untuk mendapat Keredhaan Allah serta kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat berlandaskan al Quran dan as sunnah.
2. Institusi pendidikan Islam bermula di rumah dan masjid-masjid pada awal permulaan Islam. Kemudian ditubuhkan Baitul-'ilm, Madrasah al-Baihaqiyyah di Naisabur dan Madrasah Nizamiyyah di Baghdad pada tahun 1067 M sebagai institusi pengajian tinggi Islam. Sebagai kemuncak perkembangan institusi pendidikan Islam ialah dengan tertubuhnya Universiti al-Azhar pada tahun 359 H (970 M).
3. Mencakupi prinsip asas mengenai akhlak, tingkah-laku, dan agama.
4. Pendidikan Islam berdasarkan ajaran al-Quran dan hadis. Menerusi al-Quran, manusia disarankan agar berfikir dan membersihkan jiwa supaya dapat mengenali Allah s.w.t. Melalui al-Quran manusia dapat mengetahui kisah-kisah zaman silam yang boleh dijadikan 'iktibar dan teladan. Di samping al-Quran, juga menyarankan supaya manusia berfikir bagi mempertingkatkan bakat dan perkembangan intelektual.
5. Perkembangan pendidikan Islam di Andalusia ialah pada masa pemerintahan Abdurahman III (912- 961) dan al- Hakam (961-976).
6. Penegasan soalan – Pemerintahan Islam di Andalusia telah meninggalkan kesan yang besar di Sepanyol apabila pendidikan Islam berkembang dan Andalusia muncul sebagai pusat peradaban dunia yang sekaligus menandingi kejayaan Muslim Timur di bawah pemerintahan Dinasti Abasiyyah .

B ISI – ISI PENTING (5 isi X 4 markah = 20 markah)

Sistem Pendidikan Islam zaman Bani Umayyah

1. **Sejarah sistem pendidikan Islam di Sepanyol bermula pada zaman Bani Umayyah di Sepanyol.** Kerajaan Bani Umayyah telah menggalakkan aktiviti

penyelidikan dan pembelajaran. Antaranya mendirikan masjid sebagai tempat ibadah dan tempat belajar. Di samping itu, kerajaan Bani Umayyah telah menggalakkan para ilmuan dalam dan luar negara bukan Arab datang mengajar di Sepanyol.

2. **Tahap-tahap** sistem pendidikan Islam di Sepanyol terbahagi kepada tiga tahap
 - (a) **Dalam peringkat rendah** – pelajar-pelajar diajar membaca al-Quran dan tata bahasa Arab dan puisi. Pendidikan di adakan di Kuttab atau maktab
 - (b) **Dalam peringkat menengah** – dijalankan secara bersendirian dan pada tahap ini tidak ada sukatan pelajaran yang tetap, malah ianya berbeza-beza antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Antara pelajaran yang diajar ialah tatabahasa, sejarah, hadis, fekah, dan lain-lain.
 - (c) **Dalam peringkat tinggi** – diadakan secara tidak rasmi di bawah kelolaan sekumpulan profesor dan mengendalikan kursus-kursus di peringkat lepasan ijazah yang berpusat di Cordova dan Toledo. Universiti Cordova telah menarik perhatian para pelajar yang bukan hanya dari Sepanyol tetapi juga dari tempat lain seperti Eropah, Afrika, dan Asia. Di Universiti ini terdapat jurusan Astronomi, Matematik, Kedokteran, teologi dan undang-undang. Di samping Universiti Cordova, terdapat juga Universiti Granada. Universiti ini di dirikan oleh Khalifah Nashariyah ketujuh yaitu Yusuf Abu al-Hajjaj (1333-1354). Kurikulum yang diajarkan di Universiti Granada ini meliputi kajian teologi, undang-undang, kedokteran, kimia, falsafah, dan astronomi. Mahasiswanya banyak dari kalangan bangsawan. Selain itu, para mahasiswanya bukan hanya dari dalam negeri, namun juga dari luar negeri. Cawangan Universiti-universiti tersebut bukan hanya terdapat di Cordova dan Granada, melainkan juga terdapat di beberapa kota penting di Sepanyol seperti Seville dan Malaga yang juga menawarkan kursus tentang teologi, undang-undang dan pengajian Islam, kedokteran, kimia, falsafah dan astronomi
 - (d) Pendidikan untuk wanita

3. Institusi Pendidikan

a. Kuttab

Di Andalusia terdapat lembaga pendidikan yang dinamakan Kuttab selain Masjid. Kuttab termasuk lembaga pendidikan terendah yang sudah tersusun

dengan rapi dan para pelajar mempelajari berabagai macam disiplin Ilmu Pengetahuan diantaranya seperti fekah, Al-Quran dan bahasa arab.

b. Universiti

Di Andalusia juga banyak dibangun university seperti Universiti Cordoba, Sevilla, Malaga, Granada dan yang lainnya. Kurikulum yang diajarkan di Universiti Granada ini meliputi kajian teologi, undang-undang, kedokteran, kimia, falsafah, dan astronomi

c. Perpustakaan sebagai pusat pendidikan

Kemegahan pendidikan tinggi di Sepanyol diiringi dengan kemegahan perpustakaan. Hampir setiap Universiti yang ada selalu mempunyai perpustakaan yang letaknya berdampingan dengan gedung Universiti. Secara umum perpustakaan yang baru diketahui terdapat 70 buah yang tersebar di seluruh penjuru Sepanyol. Perpustakaan terbesar terdapat di Cordova. Perpustakaan ini pembangunannya di pelopori oleh Khalifah Muhammad I (852-886) yang kemudian di perluas oleh Abdurahman III dan menjadi perpustakaan terbesar dan terbaik pada masa pemerintahan al-Hakam II. Di perpustakaan ini terdapat koleksi buku sekitar 4 juta. Pada masa al-Hakam II perpustakaan ini di buka untuk umum. Setiap orang yang menuntut ilmu dapat menggunakan kemudahan perpustakaan ini. Selain itu para mahasiswa yang mengalami kesulitan dalam sering kali mendapatkan bantuan dari Khalifah al-Hakam II ini. Di samping itu, terdapat juga perpustakaan pribadi yang perlu di catat atas nama, khalifah seperti perpustakaan al-Hakam II. Kedua Perpustakaan Abul Mutrif seorang hakim Cordova. Di perpustakaan al-Hakam II tersebut terdapat koleksi sekitar 600.000 jilid buku. Yang kedua adalah perpustakaan Abul Mutrif seorang hakim Cordova. Didalamnya terdapat koleksi –koleksi buku kaligrafi. Diperpustakaan, Abul Mutrif terdapat 6 orang sebagai penterjemah .

d. Masjid dijadikan sebagai pusat pengajian ilmu Fekah, Fardu Ain dan tempat pertemuan ulamak

4. **Kesan** dari sistem pendidikan di Sepanyol ini telah membawa perubahan, antaranya kota Cardova telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan tempat tumpuan pelajar-pelajar dari seluruh Eropah.

5. Pendidikan Islam di Sepanyol telah **melahirkan para cendekiawan** dalam berbagai-bagai bidang seperti matematik, sains, fizik, falsafah, kesusasteraan dan lain-lain. Antara tokoh-tokoh yang terkenal ialah al-Khawarizmi – pakar bidang matematik. Ibn Sina – ahli perubatan yang banyak menghasilkan buku-buku perubatan serta mencipta teori dan prinsip baru. Begitu juga banyak buku bahasa Arab telah diterjemahkan ke bahasa Eropah. seperti Ibn Rusdy sebagai anak kandung filsafat Aristoteles, Ibn Arabi ahli Tasawuf, Ibn Khaldun ahli sejarah, Abas Ibn Farnas Ahli kimia dan Astronomi.

6. **Kurikulum** – Peringkat Rendah (Membaca al-Quran dan tata bahasa Arab dan puisi). Peringkat Menengah (tatabahasa, sejarah, hadis, fekah, dan lain-lain). Peringkat Tinggi (kajian teologi, undang-undang, kedoktoran, kimia, falsafah, dan astronomi). Peringkat Universiti (Universiti Cordova telah menarik perhatian para pelajar yang bukan hanya dari Sepanyol tetapi juga dari tempat lain seperti Eropah, Afrika, dan Asia. Di Universiti ini terdapat jurusan Astronomi, Matematik, Kedoktoran, teologi dan undang-undang)

C. KESIMPULAN (2 markah)

Apa-apa saja yang berkaitan

14. HURAIKAN SUMBANGAN TOKOH - TOKOH PELAYARAN ISLAM KEPADA PERKEMBANGAN TAMADUN MANUSIA.

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang tamadun Islam
2. Latar belakang tokoh-tokoh pelayaran Islam seperti Ibn Batutah, Ibn Hawqal, Ibn Majid, al-Masudi, al-Istakhri, dan Sulayman al-Mahri.
3. Konsep penjelajahan dan penerokaan menurut Islam
4. Penegasan soalan – Penemuan tokoh-tokoh pelayar Islam dalam pelbagai bidang menyumbang kepada perkembangan tamadun manusia

B. ISI-ISI PENTING (3 tokoh x 7 markah : 21 markah)

1. Sumbangan Ibn Batutah

- i) Pertambahan ilmu geografi
- ii) Sumbangan pensejarahan
- iii) Berjaya menemui ramai pemerintah dan meluaskan hubungan antarabangsa (sumbangan bidang politik) yang tercatat dalam buku *Rehlah*
- iv) Sumbangan bidang sosial (antropologi dan sosiologi)
- v) Sumbangan bidang ekonomi
- vi) Sumbangan penyebaran Islam

2. Sumbangan Ibn Hawqal

- i) Sumbangan dalam bidang Geografi
- ii) Sumbangan dalam bidang penulisan – kitab *al-Masalik wa al-Mamalik* (367 H)
- iii) Sumbangan dalam bidang pemetaan
- iv) Sumbangan dalam bidang pertanian
- v) Sumbangan dalam bidang penyelidikan geografi di India
- vi) Sumbangan dalam bidang kartografi
- vii) Sumbangan dalam bidang Pelayaran – Afrika Utara dan Selatan Sahara, Sicily, Sepanyol, India, Sind, Markan, dan lain-lain.

3. Sumbangan al-Masudi

- i) Sumbangan dalam bidang Geografi (Kitab Muruj Al – Dhahab)

- ii) Sumbangan dalam Teori Determinisme Alam sekitar (iklim dipengaruhi oleh planet berkait rapat dengan sifat manusia)
- iii) Sumbangan dalam Geografi Kawasan
- iv) Sumbangan dalam Geografi Fizikal
- v) Sumbangan dalam Metodologi Kajian Geografi
- vi) Sumbangan dalam bidang Sejarah
- vii) Sumbangan dalam bidang Penulisan Sejarah
- viii) Sumbangan dalam Metodologi Penulisan Sejarah
- ix) Sumbangan dalam Sejarah Umat Islam
- x) Sumbangan dalam Sejarah bangsa-bangsa

4. Sumbangan Ibn Majid

- i) Sumbangan dalam kaedah-kaedah dan faedah-faedah ilmu laut (Kitab Al Fawaid)
- ii) Sumbangan dalam ilmu tahun, ilmu bahasa, ilmu bintang,
- iii) Sumbangan dalam pelayaran di Teluk Aden
- iv) Sumbangan tentang laluan di Laut Merah
- v) Sumbangan tentang penggunaan bintang dalam pelayaran
- vi) Karya tentang bintang-bintang di kutub utara
- vii) Penulisan tentang tanah di pinggir barat India dan pantai Semenanjung Arab
- viii) Karya tentang khazanah ahli pelayaran dan sains laut, bintang, planet dan kutubnya yang belum diketahui
- ix) Beliau telah memandu Vasco da Gama dari Malindi di pantai timur Afrika hingga ke Kalikut (Kerala).
- x) Sumbangan tentang penentuan arah Kiblat dari mana-mana laut dan darat

5. Sumbangan Sulayman al-Mahri

- i) Sumbangan tentang prinsip dan perkara terperinci mengenai pembahagian tahun, bulan, bintang, dan matahari serta membincangkan takwim Qibti, Byzantine, dan Parsi.
- ii) Sumbangan tentang astronomi dan sains nautikal termasuk penerangan tentang bumi yang berbentuk sfera serta bintang, pelayaran di laut, dan seni ilmu pelayaran

- iii) Sumbangan tentang jarak bintang-bintang dengan khatulistiwa, nama-nama bintang, laluan jalan laut di sepanjang pantai di beberapa tempat seperti Arab
- iv) Karya tentang langit yang berbentuk sfera, bintang-bintang, jalan laluan di laut tinggi, tinggi muka bumi dari paras laut, dan bintang serta pergerakan angin
- v) Sumbangan dalam Penerokaan Laluan Pelayaran di semua lautan yang terkenal.
- vi) Ilmu Bintang, Cakerawala Dan Takwin
- vii) Penemuan Ilmu Kelautan Dan Angin
- viii) Penemuan Pulau-pulau Dan Tanah Pantai.
- xi) Bentuk Mukabumi

6. Sumbangan al-Istakhri

- i) Sumbangan dalam ilmu Geografi
- ii) Sumbangan dalam ilmu pelayaran
- iii) Menghasilkan peta yang lebih tepat (Al – Muqaddasi)
- iv) Menggunakan kaedah saintifik dalam bidang Geografi
- v) Menghasilkan atlas Islam
- vi) Dorongan Kepada Pelayar-pelayar Arab Yang Lain
- vii) Menerangkan lokasi Al – Is iaitu sebuah kubu kecil yang menjadi persoalan kepada ramai pelayar. Huraian beliau adalah benar

Catatan : Calon mesti mengemukakan sekurang-kurangnya 3 tokoh. Sekiranya calon memberi tokoh-tokoh pelayaran Islam lain yang relevan diterima.

C. KESIMPULAN : (1 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

15. BANDINGKAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN ILMU SAINS ANTARA TAMADUN ISLAM DENGAN BARAT.

A. PENGENALAN: (3 markah)

1. Latar belakang tamadun Islam
2. Latar belakang tamadun Barat
3. Latar belakang pencapaian ilmu
Pencapaian dalam bidang ilmu merupakan asas utama ketinggian tamadun sesuatu bangsa umat Islam di suatu zaman telah memperlihatkan pencapaian, tamadun yang mengagumkan kerana penguasaan ilmu sama ada berasaskan wahyu atau penerokaan terhadap tamadun sebelumnya. Demikianlah, barat telah berjaya mencipta tamadun masa kini kerana penguasaan ilmu sains dan teknologi. Hakikat ini adalah jelas bagi semua tamadun.
4. Konsep Ilmu Sains menurut Islam.
5. Konsep Ilmu Sains menurut Barat
6. Penegasan soalan - Tamadun Islam dan Barat mengalami proses perkembangan ilmu sains yang berbeza-beza

B. ISI – ISI PENTING. (3 isi X 7 markah = 21 markah)

1. Perkembangan Ilmu

Perkembangan Ilmu Islam.

- a. Wahyu menjadi asas ilmu Allah mengajar apa yang tidak diketahui oleh umat manusia.
- b. Ada herarki dalam Ilmu : dimulai ilmu aqidah/ tauhid dan diikuti oleh akhlak dan syariat. Penguasaan ilmu dengan didahului oleh ilmu aqidah atau tauhid akan menyumbang keharmonian dalam segenap kehidupan bermasyarakat.
- c. Adanya pembahagian Ilmu : iaitu ilmu agama dan ilmu keduniaan yang tertakluk kepada panduan wahyu.
- d. Menerima Ilmu : dari tamadun luar yang menyumbang manfaat dan berfaedah kepada umat Islam.

- e. Ilmu bersifat kesepaduan : semua ilmu yang dipelajari akan diajar berpaksikan kepada ketuhanan.

Perkembangan Ilmu Barat.

- a. Meletakkan keupayaan akal sebagai asas ilmu.
- b. Tidak ada herarki ilmu.
- c. Ada ilmu agama, kemasyarakatan dan amalan.
- d. Gereja menyekat pembelajaran ilmu moden.
- e. Ilmu bersifat sekular (tidak berpaksikan ketuhanan) tidak bersifat kesepaduan, ilmu untuk kemajuan kebendaan bukan mencari keredhaan, tidak menjadikan agama sebagai sempadan pemikiran dan amalan, mengikut rentak tuntutan dan desakan akal.

2. Perkembangan Ilmu Sains

Perkembangan Ilmu Sains Islam.

- a. Zaman Nabi Muhammad s.a.w, Khulafa Ar – Rashidin, Bani Umaiyyah berupa asas perkembangan ilmu sains melalui ayat – ayat Al - Quran.
- b. Zaman Abbasiyah : kemuncak kemajuan ilmu dalam tamadun Islam pada zaman Khalifah Harun Al – Rashid telah ada Akademi Penterjemahan (Baitul Hikmah) yang membantu perkembangan ilmu sains
- c. Tokoh-tokoh : Al - Khawarizmi, Al – Biruni, Al- Battani, Al – Razi, Al Kindi, Ibnu Sina, Al – Zahrawi, dan lain-lain
- d. Bidang – bidang : Astronomi, Botani, Al-Jebra, Perubatan, Fizik, Kimia, Biologi, dan lain – lain
- e. Ada prasarana dan kestabilan politik : Pada tahun 1065, Khlaifah al – Makmum telah menubuhkan Universiti Nizamiyah di Baghdad, Universiti ini menjadi pusat pengajian formal yang mengajar mata pelajaran seperti sains, matematk. Astronomi, geografi dan perubatan. Harun Al – Rashid sebagai ketua pemerintah Kerajaan Abbasiyah dan juga Islam bukan sahaja hendak mengukuhkan peranan Islam tetapi juga hendak mementingkan kecemerlangan Abbasiyah di seluruh empayar dan mewujudkan Baghdad dan istananya sebagai pusat keserjanaan di seluruh dunia. Perkembangan ilmu sains di Andalusia dan Sicily dengan tertubuhnya Universiti Cordova.

Perkembangan Ilmu Sains Barat.

- a. Zaman Gelap : gereja menyokong kemajuan ilmu kongkongan berakhir apabila berlakunya Perang Salib.

- b. Zaman Renaissance : Reformation, Engligtement – bermulanya tradisi ilmu.
- c. Tokoh – tokoh: Nicholas Copernicus, Ptolemy, Giordano Bruno, Thales, Pythagoras, dan Galenn
- d. Bidang : Astronomi, perubatan, matematik, fizik, kimia, dan lain – lain
- e. Prasarana dan kestabilan politik : Bermula dengan kurun ke – 11 universiti – universiti muncul sebagai pusat pengajaran dan pembinaan ilmu. Antara universiti – universiti yang terkemuka ialah Universiti Salerno, Universiti Bologna dan Universiti Paris. Universiti – universiti itu mengembangkan arus pemikiran baru yang dikenali Skolastitisme juga menegakkan cara menggunakan kaedah saintifik untuk menjelaskan doktrin – doktrin agama kristian, menyelaraskan wahyu dengan taakulan dan kepercayaan dengan sains. Melalui proses perdebatan dan penghujahan skolastisme dapat mempertajamkan pemikiran manusia dan mencetuskan kegiatan kreatif. Pada abad ke – 16 bermula zaman pembangunan teknik

3. Kesan Kemajuan Ilmu

Kesan kemajuan ilmu Islam:

- a. Muncul ilmu – ilmu baru contohnya: perubatan diserap dari Yunani, India, falsafah dari Gereek/Yunani: astronomi dari India.
- b. Ilmu – ilmu yang dikembangkan sendiri oleh tamadun Islam: Matematik, geografi dan pelayaran.

Kesan kemajuan Ilmu – ilmu Barat.

- a. Berlaku Revolusi Sains contohnya bidang teknologi, membantu kehidupan manusia dan wujud rekaan – rekaan baru.

C. KESIMPULAN. (1 markah)

Apa-apa yang berkaitan.

16. BANDINGKAN SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD S.A.W DENGAN SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM PADA ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA.

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Latar belakang kerajaan Nabi Muhammad s.a.w dengan kerajaan Melayu Melaka .
2. Pengertian sistem pemerintahan
3. Sistem politik dan perantikan ketua negara kerajaan Nabi Muhammad s.a.w dan kerajaan Melayu Melaka.
4. Penegasan soalan – Rasulullah s.a.w mengamalkan sistem pemerintahan Islam sepenuhnya manakala pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sistem pemerintahannya berasaskan pengaruh Islam dan adat istiadat Melayu

B. ISI-ISI PENTING (5 isi x 4 markah: 20 markah)

1. Bidang kuasa pemerintahan

Zaman Nabi Muhammad :

Nabi memegang jawatan sebagai ketua negara iaitu kepimpinan menyeluruh dalam perkara berkaitan agama dan pemerintahan seperti memelihara agama Islam, memimpin umat Islam, memantapkan pemerintahan, mengukuhkan sistem ekonomi, menegakkan keadilan, memperluaskan wilayah Islam dan membanteras gerakan menentang Islam. Kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w berlandaskan wahyu dan norma-norma masyarakat yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Zaman Kerajaan Melayu Melaka :

Sultan berkuasa mutlak kerana sultan ialah ketua negara, ketua tentera, ketua hakim dan titah sultan mesti dipatuhi. Jika tidak patuh akan dianggap menderhaka dan akan dijatuhkan hukuman yang berat. Pada zaman Sultan Alaudin Riayat Syah telah mengamalkan nilai-nilai kepimpinan yang lebih demokratik dan minat kepada Islam.

2. Pentadbiran negara.

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Nabi mempunyai kuasa melantik pegawai-pegawai. Ketua negara dibantu oleh sahabat yang duduk dalam Majlis Syura dan mengetuai setiap biro.
- ii. Jawatan pembantu Nabi Muhamad dalam urusan pentadbiran iaitu muawin at tafwidh (wuzara at Tafwidh) adalah pembantu yang dilantik untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran. Pegawai-pegawai terdiri daripada kalangan sahabat .
- iii. Asas – asas pentadbiran Negara Islam – sistem syura, keadilan, persamaan hak, kebebasan, ketaatan, dan berdasar Al – Quran dan Al - Sunnah

Zaman Kerajaan Melayu Melaka

- i. Struktur pentadbiran berdasarkan sistem empat lipatan. Sultan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh empat orang pembesar dan seterusnya pembesar diperingkat daerah.
- ii. Asas – asas pentadbiran Negara - berdasarkan Al – Quran dan Al – Sunnah, adat istiadat, dan pengaruh setempat.

3. Dasar keselamatan dan pertahanan negara.

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w anggota tentera terdiri daripada anggota sukarela, dan mengamalkan konsep jihad. Tentera diagihkan harta rampasan perang dan tiada gaji yang khusus.
- ii. Nabi berperanan sebagai ketua tentera dan panglima perang yang bertanggungjawab merancang strategi peperangan dan menekankan amalan etika peperangan kepada tentera Islam.

Zaman Kerajaan Melayu Melaka

- i. Sultan ketua tertinggi tentera, tetapi pada praktiknya urusan tentera terletak di tangan Bendahara. Sultan menjalankan dasar perluasan kuasa kerana kepentingan politik dan ekonomi. Berjaya melahirkan sebuah empayar Kerajaan Melayu Melaka meliputi seluruh Tanah Melayu dan Sumatera. Semasa serangan Portugis telah lahir semangat jihad dikalangan rakyat Melaka untuk mempertahankan negara dan agama daripada serangan Portugis.

- ii. Pemerintah menggunakan khidmat orang Laut sebagai tentera dan kiwi sebagai pekerja pelabuhan

4. Pemerintahan berteraskan wahyu

Zaman Nabi Muhamad s.a.w

- i. Pemerintahan pada zaman nabi Muhammad s.a.w berteraskan al – Quran dan al – sunnah. Baginda menjalankan pemerintahan negara melalui musyawarah dengan para sahabat berdasarkan al – Quran, sunnah, dan perlembagaan yang digubal dikenali sebagai Piagam Madinah. Menurut Haji Dasuki Haji Ahmad dalam Ikhtisar Perkembangan Islam, beliau menyatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w ini tidak pernah dilakukan oleh mana-mana nabi dan rasul sebelumnya.

Zaman Kerajaan Melayu Melaka

- i. Sebelum masyarakat Melayu Melaka menganut dan mengamalkan cara hidup Islam, masyarakat Melaka menganut agama Hindu-Buddha dan mengamalkan kebudayaan tersebut. Pertapakan Islam di Melaka bermula apabila Parameswara memeluk agama Islam pada tahun 1414M dan berkahwin dengan puteri Islam Perlak (Pasai). Sejak itu Islam berkembang dalam masyarakat Melayu Melaka. Perkembangan dan pengaruh budaya Islam bermula dengan jelas pada zaman pemerintahan Sultan Muzafar Syah (1445-1458M) apabila baginda menjadikan Islam sebagai agama rasmi Kerajaan Melayu Melaka.

5. Konsep Ummah

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Semasa Nabi Muhammad s.a.w tiba di Madinah, penduduk Madinah berpecah belah apabila peperangan sering berlaku antara kaum. Nabi Muhammad s.a.w berusaha untuk mengamankan keadaan tersebut dan menyatupadukan kaum Madinah dengan meletakkan mereka di bawah satu pemerintahan, iaitu pemerintahan Islam Madinah. Ajaran dan tindakan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w ialah membentuk perpaduan tanpa mengira status, kedudukan, dan asal usul. Baginda telah menyatukan golongan Aus dan Khazraj penduduk Arab Madinah menjadi golongan Ansar. Seterusnya, baginda mempersaudarakan golongan Ansar dengan Muhajirin. Golongan Yahudi diberikan kebebasan beragama. Akhirnya, usaha ini melahirkan perpaduan masyarakat Madinah dalam konsep satu Ummah.

- ii. Persamaan taraf – Nabi Muhammad s.a.w menekankan aspek persamaan taraf dalam masyarakat Madinah. Amalan hamba dilarang dalam sistem masyarakat Islam. Kedudukan wanita dibela. Keadilan sosial diamalkan iaitu rakyat diberikan kebebasan beragama dan kebebasan ekonomi.

Zaman Kerajaan Melayu Melaka

- i. Konsep ummah di Melaka tidak diamalkan. Sebaliknya, sistem kemasyarakatan dalam pemerintahan Kesultananan Melayu Melaka berdasarkan susun lapis adat Temenggung. Walau bagaimanapun, kedatangan Islam membawa perubahan yang paling ketara apabila wujudnya persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira asal usul keturunan dan sebagainya.
- ii. Sebelum Islam, masyarakat Melayu Melaka hidup dalam keadaan tidak berdisiplin dan tiada sistem sosial yang teratur. Kedatangan Islam telah mengubah bentuk kemasyarakatan dan kebudayaan masyarakat Melaka. Asas kehidupan bercorak Islam diamalkan seperti nikah kahwin, hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Asas kehidupan masyarakat mementingkan konsep tolong menolong, kerjasama, dan bertanggungjawab. Masyarakat yang terbentuk ialah masyarakat yang bebas berinteraksi tanpa mementingkan sistem kasta (ras) yang diamalkan sebelumnya. Keadaan ini mewujudkan masyarakat yang lebih ideal, rasional dan progresif.

6. Hubungan diplomatik

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Nabi Muhammad telah mengasaskan kerajaan Islam yang pertama iaitu kerajaan Islam Madinah. Sehubungan itu, untuk mengukuhkan pengaruh kerajaan Islam, maka Nabi Muhammad s.a.w telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain seperti Habsyah, Mesir, Byzantine, dan Parsi bagi memperkenalkan ajaran Islam kepada mereka.

Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- i. Setelah Melaka dibuka oleh Parameswara pada tahun 1402 M, Melaka telah muncul sebagai negeri yang maju dalam perdagangan dan pusat penyebaran Islam di alam Melayu pada abad ke-15. Kemajuan perdagangan dan kestabilan politik Melaka telah mendorong pedagang-pedagang Arab, India, dan China datang berdagang di Melaka. Kestabilan politik Melaka adalah

4. Dasar memajukan ilmu pengetahuan dan sistem pendidikan

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w bersumberkan wahyu. Keadaan dan suasana kehidupan yang berbeza di antara masyarakat Makkah dan Madinah menyebabkan corak pendidikan di Makkah berbeza dengan di Madinah. Secara keseluruhannya, sistem pendidikan pada zaman baginda memfokuskan tiga perkara berikut:
 - a. Pendidikan akidah
 - b. Pendidikan akhlak
 - c. Pendidikan syariat
- ii. Nabi Muhammad s.a.w bertindak sebagai guru dengan mengumpulkan para pengikutnya dan mengajar mereka mengenai ayat-ayat al Quran yang diturunkan kepada baginda. Masjid juga dijadikan sebagai pusat perkembangan institusi pendidikan .

Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- i. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah(1458-1477), istananya dijadikan gedung ilmu pengetahuan Islam. Bagi menjamin kemajuan budaya dan ilmu pengetahuan Islam. Bagi menjamin kemajuan budaya dan ilmu pengetahuan,ulama dan kitab-kitab dibawa masuk dari Timur Tengah, India dan Sumatera. Kitab-kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk disebarkan kepada masyarakat. Dalam sejarah Melayu ada menyebut, pelbagai ilmu pengetahuan Islam terdapat di Melaka. Pada abad ke-15 Melaka telah muncul sebagai pusat tumpuan penganut agama Islam di Alam Melayu kerana peranannya sebagai gedung ilmu pengetahuan Islam. Melaka juga dikunjungi oleh ahli sufi dan tasawuf dari Arab, India dan China.

5. Dasar ekonomi negara.

Zaman Nabi Muhammad s.a.w

- i. Nabi Muhammad s.a.w telah memperkenalkan dasar ekonomi baru bagi menggantikan dasar ekonomi lama, atau jahiliyah. Baginda menggalakkan masyarakat bekerja apa sahaja bentuk pekerjaan yang halal seperti perniagaan, pertanian, dan ternakan. Contoh tanah-tanah yang terbiar diusahakan dan tanah-tanah yang tergadai kepada orang Yahudi ditebus dan

- ii. Ajaran Islam melarang amalan riba, penindasan, dan penipuan

Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- i. Sistem ekonomi masyarakat Melayu Melaka berubah selepas kedatangan Islam. Islam melarang amalan meminta-minta kerana perbuatan meminta-minta itu dianggap hina. Oleh itu Islam menggalakkan manusia melakukan apa sahaja aktiviti secara halal adalah kewajipan manusia. Perkara ini begitu jelas diterangkan oleh al Quran dan hadis. Islam juga membela nasib manusia yang kurang bernasib baik. Manusia di sisi Allah sama. Sistem perekonomian masyarakat Melayu Melaka telah berubah kepada bentuk ekonomi Islam, setelah Islam bertapak di Melaka.

6. Dasar Perundangan.

Zaman Nabi Muhamad s.a.w

- i. Nabi Muhamad s.a.w sebagai tempat rujukan hukum.
- ii. Al – Quran dan Al – Sunnah sebagai sumber perundangan
- iii. Piagam Madinah sebagai panduan perundangan.

Zaman Kerajaan Melayu Melaka

- I. Sultan menjadi rujukan terakhir dan pemberi kata putus dalam sebarang masalah berkaitan dengan hukum.
- ii. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka (Wujud pengaruh Islam)
- iii. Adat Temenggung masih digunakan.

C. KESIMPULAN:

Apa-apa sahaja yang berkaitan (2 markah)